A **SUPERBOOM PROJECTS SDN BHD & SATU LAGI**

lwn.

YAP SENG LOONG & YANG LAIN

B MAHKAMAH TINGGI MALAYA, IPOH
VT SINGHAM H
[GUAMAN SIVIL NO: 22-326-07]
6 OKTOBER 2008

C ***PROSEDUR SIVIL:*** *Injunksi - Injunksi interlokutori - Injunksi Interim untuk menghalang penerbitan bahan-bahan yang dikatakan fitnah - Syarat-syarat yang diberikan - Efek pembelaan justifikasi atau ulasan saksama - Prinsip kes American Cyanamide lwn. Ethicon tidak terpakai - Efek kelambatan dalam memohon untuk injunksi - Aduan oleh pembeli*
D *rumah dibuat melalui surat kepada agensi kerajaan, demonstrasi dan laporan akhbar - Sama ada aduan tidak berniat jahat - Sama ada mahkamah perlu berhati-hati dalam memberi injunksi interim dalam kes fitnah*

E ***TORT:*** *Fitnah - Injunksi Interim - Injunksi Interim untuk menghalang penerbitan - Syarat-syarat yang diberikan - Efek pembelaan justifikasi atau ulasan saksama - Prinsip kes American Cyanamid lwn. Ethicon tidak terpakai - Efek kelambatan dalam memohon untuk injunksi - Aduan oleh pembeli rumah dibuat melalui surat kepada agensi kerajaan,*
F *demonstrasi dan laporan akhbar - Sama ada aduan tidak berniat jahat - Sama ada mahkamah perlu berhati-hati dalam memberi injunksi interim dalam kes fitnah - Sama ada injunksi tidak diberikan*

Plaintif-plaintif mendakwa defendan-defendan telah memfitnah plaintif-plaintif lanjutan daripada masalah mengenai, antara lain,
G kutipan caj penyelenggaraan bulanan bagi Permai Lake View Apartment. Plaintif-plaintif telah menuntut gantirugi akibat kenyataan fitnah yang dikatakan telah dilakukan melalui beberapa pucuk surat kepada beberapa agensi kerajaan, melalui satu demonstrasi yang telah diadakan oleh defendan-defendan dan
H melalui laporan akhbar berbahasa Cina terhadap plaintif-plaintif. Plaintif-plaintif telah memohon untuk satu perintah terhadap defendan-defendan untuk menghalang mereka daripada membuat sebarang kenyataan lisan atau bertulis mengenai plaintif-plaintif kepada sesiapa termasuk pejabat-pejabat kerajaan, pejabat kerajaan
I tempatan secara surat, secara perhimpunan dan/atau secara demonstrasi, kepada sebarang jenis media dan daripada membuat sebarang kenyataan negatif kepada pembeli-pembeli lain di apartment tersebut sehingga tamatnya tindakan ini. Satu perintah

juga telah dipohon untuk menghalang defendan-defendan daripada mendorong pembeli-pembeli lain daripada membayar bayaran penyelenggaraan dan lain-lain bayaran kepada plaintif-plaintif sementara menunggu keputusan perbicaraan kes ini. Plaintif-plaintif juga telah memohon supaya defendan-defendan dihalang dari bertindak ganas, mengancam, intimidasi atau menyerang ejen-ejen atau pekerja plaintif-plaintif ("prayer (d)").

Diputuskan, menolak permohonan plaintif-plaintif (kecuali prayer (d)) dengan kos:

(1) Layanan kepada satu permohonan injunksi dalam tuntutan fitnah, sekiranya pembelaan adalah justifikasi atau ulasan saksama adalah berbeza dengan prinsip yang dinyatakan dalam kes *American Cyanamide Co. lwn. Ethicon Ltd* [1975] AC 396 untuk permohonan injunksi dan prinsip yang dinyatakan dalam kes *The New Straits Times Press (M) Bhd lwn. Airasia Bhd* [1987] 1 MLJ 36 mengikat mahkamah ini. (perenggan 14)

(2) Adalah tugas plaintif-plaintif untuk membuktikan bahawa pertama; kenyataan-kenyataan yang diadukan adalah palsu, kedua; ianya dibuat dengan niat jahat iaitu tanpa sebarang asas, sebab atau alasan yang adil dan ketiga; plaintif-plaintif telah mengalami kerugian di mana pampasan atau gantirugi tidak boleh memulihkan apa yang dialami oleh plaintif-plaintif dan ketiga-tiganya kehendak dibaca bersama. (perenggan 19)

(3) Sekiranya seorang pembeli atau seseorang yang mempunyai kepentingan di atas projek mempunyai satu aduan yang sebenarnya terhadap pemaju atau kontraktor, pihak-pihak tersebut berhak untuk melaporkan atau membawa kepada perhatian pihak-pihak berkuasa untuk tindakan lanjut. Walau bagaimanapun, tindakan ini tidak sepatutnya mengandungi sebarang unsur paksaan dengan tujuan niat jahat atau konspirasi dengan tujuan membawa kerugian atau kebencian terhadap pemaju atau kontraktor di mana akibatnya mungkin boleh membawa kerugian atau menggagalkan projek-projek lain yang tidak berkaitan dengan projek dalam aduan tersebut. (perenggan 21)

(4) Mengenai laporan dalam suratkhabar berbahasa Cina, defendan-defendan tidak boleh disalahkan sekiranya akhbar tersebut ingin menerbitkan aduan defendan-defendan tersebut di mukasurat hadapan dengan gambar beberapa defendan-defendan tersebut. Tidak ada sebarang keterangan bahawa defendan-defendan tersebut atau mana satu defendan-defendan tersebut yang mendorong wartawan tersebut untuk menerbitkan aduan tersebut di mukasurat hadapan dengan gambar defendan-defendan. (perenggan 29)

(5) Tidak ada apa-apa yang tidak sah sekiranya defendan-defendan melawat pejabat kerajaan untuk membuat aduan mengenai perkara-perkara yang timbul dari masa ke semasa terhadap apartment tersebut. (perenggan 30)

(6) Untuk kesemua aduan tersebut yang dikatakan mengecewakan perasaan plaintif-plaintif, defendan-defendan tersebut telahpun memplidkan 'justifikasi' dan ulasan saksama di mana ianya mungkin adalah berasas dan bukan remeh atau menyusahkan di mana di peringkat ini ianya tidak boleh diputuskan melalui keterangan afidavit. (perenggan 31)

(7) Writ Saman dan Saman Dalam Kamar plaintif-plaintif hanya difailkan beberapa bulan selepas tarikh kejadian. Ini menunjukkan bahawa terdapat kelewatan yang tidak munasabah dan tidak ada sebarang penjelasan yang munasabah tentang mengapa plaintif-plaintif tidak bertindak dengan secepat mungkin. Permohonan untuk injunksi khususnya, harus dibuat dengan secepat mungkin. (perenggan 36 & 37)

(8) Tidak ada keterangan material yang kukuh yang dikemukakan dalam afidavit-afidavit plaintif-plaintif bahawa defendan-defendan akan meneruskan atau telah merancang untuk meneruskan pada masa hadapan dengan aduan-aduan mereka kepada pihak-pihak tertentu atau akan membuat demonstrasi dengan niat jahat atau untuk membuat kenyataan memfitnah terhadap plaintif-plaintif seperti diandaikan oleh plaintif-plaintif. (perenggan 44)

Kes-kes yang dirujuk:

Abdul Rahman Talib lwn. Seenivasagam & Anor [1966] 2 MLJ 66 ***(dirujuk)***

Aga Khan v. Times Publishing Co [1924] 1 KB 695 ***(dirujuk)***

Ahmad Said lwn. Zulkiflee Bakar & Yang Lain [1997] 1 LNS 427 ***(dirujuk)***

Alor Janggus Soon Seng Trading Sdn Bhd & Ors lwn. Sey Hoe Sdn Bhd & Ors [1995] 1 CLJ 461 SC ***(dirujuk)***

American Cyanamide Co lwn. Ethicon Ltd [1975] 1 All ER 504 ***(dirujuk)***

American Cyanamide Co lwn. Ethicon Ltd [1975] AC 396 ***(dirujuk)***

Anwar Ibrahim lwn. Abdul Khalid [1998] 6 MLJ 365 ***(dirujuk)***

Bavington LD lwn. Barrington Tennat [1957] RPC 183 ***(dirujuk)***

Beet v. Lawes [1882] LJ QB 359 ***(dirujuk)***

Bestow Lall Paints Ltd v. Bigg [1975] FLR 421 ***(dirujuk)***

Bonnard lwn. Perryman [1891] 2 Ch D 269 ***(dirujuk)***

Broadway Approvals Ltd & Another v. Odhams Press Ltd [1964] 2 QB 683 ***(dirujuk)***

Broadway Approvals Ltd v. Odham Press Ltd [1964] 2 All ER 904 ***(dirujuk)***
C Sivanathan v. Dato' Hj Abdul Rahman [1984] 1 MLJ 63 ***(dirujuk)***
Caltex Oil Malaysia Ltd lwn. Tee Than Song [1969] 2 MLJ 184 ***(dirujuk)***
Campbell v. Spottis Woode [1863] B & S 769 ***(dirujuk)***
Chase Perdana Bhd v. Pekeliling Triangle Sdn Bhd & Anor [2008] 1 CLJ 313 FC ***(dirujuk)***
Dalip Bhagwan Singh v. PP [1997] 4 CLJ 645 SC ***(dirujuk)***
Dato Kam Woon Wah & Ors lwn. Mohd Abdul Jalil Sarip & Anor [1997] 5 CLJ 131 HC ***(dirujuk)***
Datuk Syed Kechik Syed Mohamed lwn. Datuk Yeh Pao Tzu & Ors [1977] 1 MLJ 566 ***(dirujuk)***
Dato' Tan Heng Chew v. Tan Kim Hor & Another Appeal [2006] 1 CLJ 577 ***(dirujuk)***
Drummond-Jackson lwn. British Medical Association [1970] 1 All ER 1094 ***(dirujuk)***
Dunlop Pneumatic Tyre Company (Limited) lwn. Maison Talbot The Earl of Shrewsbyry And Talbot; And Weigel-Clipper Pneumatic Tyre Company lwn. Same [1904] 20 TLR 579 ***(dirujuk)***
Dunlop Pnuematic Tyre Co v. Maizon Tileboard [1904] 20 TLR 580 ***(dirujuk)***
Fraser lwn. Evans And Others [1969] 1 All ER 8 ***(dirujuk)***
Greers Ltd v. Pearman & Corder Ltd [1922] 39 RFC 406 ***(dirujuk)***
Griffith v. Benn [1911] 27 TLR 346 ***(dirujuk)***
Gulf Oil (GB) Ltd v. Page [1989] Ch D 329 ***(dirujuk)***
Hj Wan Habib Syed Mahmud lwn. Datuk Patinggi Hj Abdul Taib Mahmud & Anor [1986] 2 CLJ 115; [1986] CLJ (Rep) 149 ***(dirujuk)***
Halsey v. Esso Petroleum Co; Ltd [1961] 2 All ER 145 ***(dirujuk)***
Hasnul Abdul Hadi lwn. Bulat Mohamed & Anor [1978] 1 MLJ 75 ***(dirujuk)***
High Mark (M) Sdn Bhd lwn. Pacto Malaysia Sdn Bhd [1987] 2 MLJ 85 ***(dirujuk)***
International Times & Ors v. Leong Ho Yuen [1980] 2 MLJ 86 ***(dirujuk)***
Kathavarayan v. Ng Sup Moi & Anor [1985] 1 LNS 8 ***(dirujuk)***
Keet Gerald Francis Noel John lwn. Mohd Noor Abdullah & Ors [1995] 1 CLJ 293 CA ***(dirujuk)***
Khashoggi v. IPC Magazines Ltd [1986] 3 All ER 577 ***(dirujuk)***
Lawrence Kwek Juan Bok lwn. Lim Harn Yong [1989] 1 LNS 66 HC ***(dirujuk)***
Leisure Data v. Bell [1988] FSR 367 ***(dirujuk)***
Lewis lwn. Daily Telegraph Ltd [1964] AC 294 ***(dirujuk)***
Lian Keow Sdn Bhd & Anor lwn. Overseas Credit Finance (M) Bhd & Ors [1982] CLJ 350; [1982] CLJ (Rep) 182 FC ***(dirujuk)***
Liverpool Stores Association v. Smith [1887] 37 Ch D 170 ***(dirujuk)***
Lombard Banking Ltd lwn. DH Lombard Ltd. [1959] 69 RPC 60 ***(dirujuk)***
Ng Hee Thoong & Anor lwn. Public Bank Bhd [1995] 1 CLJ 609 CA ***(dirujuk)***
Ngoi Thiam Woh lwn. CTOS Sdn Bhd & Ors [2001] 4 CLJ 765 HC ***(dirujuk)***
Noor Aini Majid lwn. Pentex Sdn Bhd [1987] 1 CLJ 396; [1987] CLJ (Rep) 807 HC ***(dirujuk)***

A *NWL Ltd v. Woods [1979] 3 All ER 614* ***(dirujuk)***
Periasamy Sinnapen v. PP [1996] 3 CLJ 187 ***(dirujuk)***
Petroliam Nasional Bhd & Ors lwn. Khoo Nee Kiong [2003] 4 CLJ 303 ***(dirujuk)***
PP v. Datuk Tan Cheng Swee & Anor [1980] 2 MLJ 276 ***(dirujuk)***
B *Proctor v. Bayley [1889] 42 Ch D 390* ***(dirujuk)***
Quartz Hill Consolidated Gold Mining Company lwn. Beall [1982] (20) Ch D 501 ***(dirujuk)***
Quartzhill v. Mining Companybell 20 Ch D 501 ***(dirujuk)***
Ratcliffe v. Evans [1892] 2 QB 524 ***(dirujuk)***
Royal Baking Powder v. Wright [1901] 18 RPC 95 ***(dirujuk)***
C *Salisbury v. Metropolitan Ry Co [1870] 39 LJ SC 429* ***(dirujuk)***
Shepherd Homes Ltd v. Sandham [1971] 1 Ch D 340 ***(dirujuk)***
Sherwell v. Combine Incandescent Mentles Syndicate Ltd [1907] WR 211 ***(dirujuk)***
Sim v. HJ Heinz & Co Ltd [1959] 1 WLR 313 ***(dirujuk)***
D *South Hetton Coal Company Limited v. North Eastern News Association, Limited [1894] 1 QB 133* ***(dirujuk)***
Sutherland v. Stopes [1925] AC 47 ***(dirujuk)***
SV Beverages Holdings Sdn Bhd & Ors lwn. Kickapoo (Malaysia) Sdn Bhd [2008] 4 CLJ 20 CA ***(dirujuk)***
Syarikat Zamani Hj Tamin Sdn Bhd & Anor v. Yong Sze Fun & Anor
E *[2006] 5 MLJ 262* ***(dirujuk)***
Tai Chai Yu v. The Chief Registrar of the Federal Court [1998] 2 CLJ 358 HC ***(dirujuk)***
Tavener Rutledge Ltd lwn. Specters LD [1957] RPC 498 ***(dirujuk)***
Telnikoff v. Matusevitah [1992] 2 AC 343 ***(dirujuk)***
F *The New Straits Times Press (M) Bhd lwn. Airasia Bhd [1986] 1 LNS 80 SC* ***(dirujuk)***
Wakefield v. Duke of Buccleugh [1865] 12 LT 628 ***(dirujuk)***
Wan Abdul Rashid lwn. S Sivasubramaniam [1984] 1 MLJ 385 ***(dirujuk)***
Waters lwn. Sunday Pictorial Newspapers Ltd [1961] 1 All ER 758 ***(dirujuk)***
Watson & Son lwn. Daily Record (Glasgow) Limited [1909] 1 KB 858
G ***(dirujuk)***
Watson v. Delirecord (Glasgow) [1907] 1 KB 853 ***(dirujuk)***
William Coulson & Sons v. James Coulson & Co [1887] 3 TLR 846 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
H Defamation Act 1957, ss. 8, 9
Federal Constitution, art. 10(1)(a), (b)

Sumber-sumber yang dirujuk:
Gatley on Libel and Slander, 7th edn, paras 341, 354

I *Bagi pihak plaintif-plaintif - Gurbachan Singh; T/n Bachan & Co*
Bagi pihak defendan pertama, kedua, ketiga, kesembilan dan kesepuluh - Manjit Singh; T/n Manjit Singh Mann & Co

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

A

VT Singham H:

[1] Tuntutan plaintif-plaintif terhadap defendan-defendan adalah untuk gantirugi akibat dikatakan (alleged) satu kenyataan fitnah melalui beberapa pucuk surat kepada beberapa agensi kerajaan, melalui satu demonstrasi dan melalui laporan akhbar berbahasa Cina terhadap plaintif-plaintif. Oleh itu, plaintif-plaintif telah memfailkan satu writ saman (lampiran 1) pada 29 November 2007 bagi menuntut gantirugi dan injuksi dan melalui saman dalam kamar (lampiran 3) untuk mendapatkan perintah injuksi terhadap defendan-defendan.

B

C

[2] Melalui saman dalam kamar (lampiran 3) yang disokong oleh affidavit (lampiran 4), plaintif-plaintif telah memohon perintah-perintah seperti berikut:

D

a. Suatu perintah terhadap kesemua defendan-defendan menghalang mereka dengan sendirinya atau melalui ejennya atau pengkhidmatnya atau dengan apa jua cara lain daripada membuat sebarang kenyataan lisan, kenyataan secara bertulis dan menerbit sebarang perkataan "slanderous" terhadap plaintif pertama dan plaintif kedua kepada sesiapa termasuk pejabat-pejabat kerajaan, pejabat kerajaan tempatan secara surat, secara perhimpunan dan/atau secara demonstrasi di perkalangan premis apartment tersebut dan/atau di premises pejabat plaintif-plaintif serta yang berkaitan dengan pengurusan apartment, kepada sebarang jenis media termasuk sidang akhbar kepada mana-mana surat akhbar, liputan televisyen, siaran radio, penggunaaan internet, secara e-mail, dan/atau sebarang jenis terbitan dan/atau membuat sebarang percakapan atau kenyataan "negative" kepada pembeli-pembeli lain di apartment tersebut dan juga terhadap plaintif-plaintif dan/atau pengarah-pengarah dan/atau pekerja-pekerja sehingga tamatnya tuntutan ini;

E

F

G

H

b. Bahawa defendan-defendan dilarang dan dihalang daripada mendorong 'influence' pembeli-pembeli lain daripada membayar bayaran penyelenggaraan kepada plaintif-plaintif sementara menunggu keputusan perbicaraan kes ini;

I

c. Kos permohonan ini diberikan;

d. Perintah-perintah selanjutnya yang Mahkamah Yang Mulia ini fikirkan sesuai adil dan manfaat.

[3] Pada 19 Disember 2007, saman dalam kamar (lampiran 3) telah dipanggil untuk pendengaran dimana plaintif-plaintif diwakili oleh peguam Encik S.Y. Lee bersama Encik Kenneth William, manakala defendan 1, 3 dan 9 diwakili oleh Encik Manjit Singh Bhar. Pada tarikh tersebut, peguam bagi plaintif-plaintif telah memohon satu perintah injuksi interim seperti dalam saman dalam kamar (lampiran 3) menunggu sehingga saman dalam kamar (lampiran 3) didengar. Walau bagaimanapun, mahkamah ini tidak membenarkan permohonan plaintif-plaintif untuk satu perintah injuksi interim tersebut kerana kertas-kertas kausa belum lagi diserahkan kepada kesemua defendan-defendan yang dinamakan dalam writ saman (lampiran 1) dan saman dalam kamar (lampiran 3) dimana saman dalam kamar (lampiran 3) telahpun ditetapkan untuk pendengaran secara *inter parte*.

[4] Pada 30 Januari 2008, kes dipanggil untuk pendengaran saman dalam kamar (lampiran 3) dimana plaintif-plaintif telah menukar peguamcara dan kini diwakili oleh peguam Encik Gurbachan Singh. Dalam tempoh masa yang sama, plaintif-plaintif telah menarik balik atau memberhentikan tindakan terhadap beberapa orang defendan-defendan iaitu, defendan 4, 5, 6, 7 dan 8 dan meneruskan tindakan ini dan memohon injuksi terhadap defendan 1, 2, 3, 9 dan 10 (kemudian dirujuk sebagai 'defendan-defendan tersebut') dimana mereka diwakili oleh peguam Encik Manjit Singh Bhar.

[5] Pada 21 Februari 2008, peguamcara plaintif-plaintif telah memfailkan saman dalam kamar (lampiran 47) yang disokong oleh afidavit (lampiran 48) dan ingin meneruskan dengan saman dalam kamar (lampiran 47) dan menangguhkan saman dalam kamar (lampiran 3) kerana saman dalam kamar atau prayer-prayer di Lampiran 3 adalah luas dan perintah-perintah yang dipohon melalui saman dalam kamar (lampiran 47) telah dihadkan.

[6] Pada 14 Mac 2008, saman dalam kamar (lampiran 47) telah ditetapkan untuk pendengaran dan peguamcara plaintif-plaintif kemudiannya memberitahu mahkamah ini bahawa plaintif-plaintif ingin meneruskan dengan saman dalam kamara (lampiran 47) dan saman dalam kamar (lampiran 3) ditangguh sementara.

[7] Untuk tujuan melengkapkan perkara dalam kes ini, dan merujuk kepada beberapa afidavit yang kebanyakan telah difailkan oleh kedua-dua pihak pada saat-saat akhir, adalah wajar untuk merujuk kepada afidavit-afidavit tersebut dimana telah dicatit dalam satu senarai kronologi dan dokumen-dokumen lain yang berikut:

Kronologi Pemfailan Afidavit-afidavit Bagi Plaintif-plaintif Dan Defendan-defendan 1, 2, 3, 9, Dan 10 Bagi saman dalam kamar (lampiran 3) Dan (Lampiran 47)

	PLAINTIF-PLAINTIF			DEFENDAN-DEFENDAN			
Bil	Tarikh Difailkan	Lamp.	Butir-Butir	Bil.	Tarikh Difailkan	Lamp	Butir-Butir
1	29.11.07	4	Afidavit Sokongan bagi Saman Dalam Kamar (Lamp.3)				
2	17.12.07	10	Afidavit	1	17.12.07	13	Afidavit Balasan Defendan-defendan 1, 2, 3, dan 9
3	18.12.07	14	Afidavit Balasan				
4	18.12.07	15	Afidavit Balasan Tambahan dan Pembetulan	2	2.1.08	23	Afidavit Balasan
				3	3.1.08	24	Afidavit Balasan
				4	1.1.08	30	Afidavit Defendan 4
				5		31	Afidavit Defendan 6
				6		32	Afidavit Defendan 8
5	15.1.08	33	Afidavit Balasan	7	20.2.08	45	Afidavit Balasan bagi Defendan 1, 2, 3, dan 9
6	21.2.08	47	Saman Dalam Kamar (Lampiran 47)				
7		48	Afidavit Sokongan				
8	28.2.08	54	Notis Niat untuk Gunakan Afidavit-afidavit (Lamp. 4, 24, 33 dan 48)	8	29.2.08	56	Afidavit Balasan
				9	3.3.08	59	Afidavit Balasan Lanjutan
9	10.3.08	61	Afidavit Jawapan untuk menjawab kepada Afidavit Balasan Lanjutan bagi defendan-defendan bagi Lampiran 59	10	12.3.08	65	Afidavit Balasan
				11		66	Afidavit Balasan
10		62	Afidavit Jawapan untuk menjawab Afidavit Balasan defendan Lampiran 45				
11		63	Afidavit Jawapan untuk menjawab kepada Afidavit Balasan defendan Lampiran 56	12	13.3.08	69	Afidavit Balasan

Bil	Tarikh Difailkan	Lamp.	Plaintif-Plaintif	Bil.	Tarikh Difailkan	Lamp	Defendan-Defendan
12	13.8.08	67	Afidavit Jawapan	13	3.4.08	75	Afidavit Balasan
13	7.4.08	71	Afidavit	14	7.5.08	77	Afidavit Balasan
				15	8.5.08	79	Afidavit Balasan
14	21.4.08	73	Afidavit Lanjutan plaintif	16	9.5.08	81	Afidavit Lanjutan
15	13.5.08	85	Afidavit Jawapan kepada Lampiran 81				
16		86	Afidavit Jawapan kepada Lampiran 79				
17	13.5.08	87	Afidavit Jawapan kepada Lampiran 9				
18	13.5.08	88	Afidavit Jawapan kepada Afidavit Lanjutan Lampiran 83	17	13.5.08	83	Afidavit Lanjutan
19	15.5.08	90	Summary of the case by plaintiff's Solicitors	18	15.5.08	89	Afidavit Balasan Defendan
				19	15.5.08	91	Hujahan Bertulis bagi Defendan-Defendan 1, 2, 3, 9 dan 10
20	19.6.08	93	Afidavit Lanjutan	20		91A	Ikatan Otoriti Defendan
				21	3.7.08	95	Afidavit Balasan
				22	4.7.08	97	Afidavit Lanjutan
21	11.7.08	98	Afidavit Lanjutan	23	11.7.08	99	Senarai defendan-defendan yang bayaran wang yang plaintif berhak untuk mengutip dan bayaran wang yang plaintif tidak berhak untuk mengutip
22	11.7.08	101	List of Departments and Parties defendants wrote to or contacted to arouse controversy (No Repetitions)	24		100	Hujahan Lanjut defendan-defendan bagi Lampiran 47
23		102	List of Complaints by defendants against the plaintiff				
24	11.7.08	104	Afidavit Lanjutan				

Senarai Dokumen-dokumen Yang Difailkan
Bagi G.S. No. 22-236-2007

Bil.	Tarikh Difailkan	Butir-butir	Lampiran
1	29.11.07	Writ Saman terhadap 10 orang defendan-defendan oleh Tetuan Kenneth William & Associates	1
2	12.12.07	Notis Pemberhentian terhadap defendan kelima	6
3	17.12.07	Memorandum Kehadiran bagi defendan-defendan pertama, kedua, ketiga dan kesembilan oleh Tetuan Manjit Singh Mann & Co.	12
4	27.12.07	Memorandum Kehadiran bagi defendan-defendan ketujuh dan kesepuluh oleh Tetuan Manjit Singh Mann & Co.	19
5.	27.12.07	Pembelaan dan Tuntutan Balas bagi defendan-defendan pertama, kedua, ketiga, ketujuh, kesembilan dan kesepuluh oleh T/n Manjit Singh Mann & Co.	20
6.	27.12.07	Notis Pemberhentian terhadap defendan kelapan oleh Tetuan Kenneth William & Associates	21
7.	3.1.08	Notis Kehadiran bagi Defendan ketujuh oleh Tetuan Page Hong & Thangesvari	26
8.	8.1.08	Jawapan dan Pembelaan kepada Tuntutan Balas oleh Tetuan Kenneth William & Associates.	29
9	21.1.08	Notis Penukaran Peguamcara oleh Tetuan Bachan & Kartar bagi plaintif-plaintif	36
10	24.1.08	Notis Menghadiri Bicara Pengurusan Kes	38
11	29.1.08	Notis Penukaran Peguamcara bagi defendan ke-7 oleh Tetuan Manjit Singh Mann & Co	41
12	21.2.08	Saman Dalam Kamar (Lampiran 47) untuk injuksi oleh Tetuan Bachan & Kartar, peguamcara baru bagi plaintif-plaintif	47
13	28.2.08	Notis niat untuk menggunakan affidavit-afidavit oleh peguam plaintif-plaintif (Lampiran 4, 14, 33 dan 48)	54
14	15.5.08	Sesalinan summary of action oleh Tetuan Bachan & Kartar bagi plaintif-plaintif	90
15	15.5.08	Hujahan bersama autoriti bagi defendan-defendan tersebut difailkan oleh Tetuan Manjit Singh Mann & Co	91 & 97
16	9.7.08	Sesalinan senarai defendan-defendan oleh Tetuan Manjit Singh Mann & Co	99
17	9.7.08	Hujah lanjutan bersama senarai autoriti oleh Tetuan Manjit Singh Mann & Co bagi defendan-defendan tersebut.	100 & 101
18	9.7.08	List of accusations/complaints thrown at plaintif-plaintif oleh Tetuan Bachan & Kartar untuk plaintif-plaintif	102
19	20-9-08	Salinan senarai lima soalan yang dibangkitkan oleh Mahkamah untuk dijawab oleh kedua-dua peguam.	102A
20	10.9.08	Butir-butir difailkan oleh peguam bagi plaintif-plaintif kepada lima soalan yang dikemukakan oleh Mahkamah ini pada 20.9.08.	109
21	10.9.08	Hujahan Lanjut oleh peguam bagi defendan, pertama, kedua, ketiga, ketujuh dan ke sepuluh kepada soalan yang diberikan oleh Mahkamah.	110

[8] Melalui saman dalam kamar (lampiran 47), yang difailkan pada 21 Februari 2008, plaintif-plaintif telah memohon perintah seperti berikut:

a. bahawa defendan-defendan dengan ini dihalang dari secara langsung atau tak langsung mendorong atau menggalakkan sesiapa pembeli atau bakal pembeli **dari membayar caj menyelenggara sebanyak RM50 sebulan dan/atau membuat pengaduan atau tuduhan** terhadap plaintif-plaintif dan reputasi mereka dan/atau pemajuan-pemajuan mereka. (penekanan oleh mahkamah ini)

b. bahawa defendan-defendan dengan ini dihalang dari secara langsung atau tak langsung mendorong atau menggalakkan sesiapa pembeli atau bakal pembeli **dari membayar RM400 yang adalah sumbangan pemula bagi dana pembayaran hutang (sinking fund) dan RM180 berkenaan dengan dana bergulung** (rolling fund) kepada plaintif-plaintif; (penekanan oleh mahkamah ini).

c. bahawa defendan-defendan dengan ini dihalang **dari menulis atau bercakap sebarang perkataan-perkataan** yang mengecilkan dan/atau jahanamkan dan/atau allegasi-allegasi mengenai plaintif-plaintif **kepada pihak-pihak berkuasa** dan mengedarkan yang sama kepada sesiapapun **kecuali aduan-aduan yang sah dan berjustifikasi**, jika ada, **hanya kepada pihak-pihak berkuasa berkenaan yang mana** aduan-aduan mesti dahulunya dibuat kepada plaintif-plaintif. (penekanan oleh mahkamah ini)

d. bahawa defendan-defendan dengan ini **dihalang dari menggunakan bahasa kasar atau menghina atau memfitnah** terhadap plaintif-plaintif; (penekanan oleh mahkamah ini).

e. bahawa defendan-defendan dengan ini dihalang dari membuat sebarang ulasan-ulasan allegasi-allegasi dan/atau aduan-aduan **mengenai fasa-fasa atau projek-projek pemaju lain plaintif pertama kecuali dalam skim dimana defendan-defendan membeli unit-unit mereka masing-masing**; (penekanan oleh mahkamah ini).

f. bahawa defendan-defendan dan/atau ejen-ejen dan/atau pekerja-pekerja mereka **dihalang dari bertindak ganas mengancam intimidasi** atau serang ejen-ejen atau pekerja plaintif-plaintif; (penekanan oleh mahkamah ini).

g. Kos dalam kausa;

h. Lain-lain relif atau perintah yang difikirkan adil dan patut oleh Mahkamah Mulia ini.

[9] Pada 14 Mac 2008, peguam plaintif-plaintif memohon satu perintah terhad (limited order) terhadap defendan ke 9 terlebih dahulu sehingga Saman Dalam Kamar (lampiran 47) didengar dan diselesaikan tetapi ianya dibantah oleh peguam bagi defendan-defendan tersebut. Oleh kerana mahkamah ini mendapati terdapat fakta-fakta yang bercanggah seperti yang dikemukakan dan dinyatakan oleh kedua-dua pihak melalui afidavit-afidavit bagi masing-masing dan pembelaan defendan-defendan tersebut adalah justifikasi dan ulasan saksama (fair comment) dan juga terdapat tuntutan balas oleh defendan-defendan tersebut terhadap plaintif-plaintif (lampiran 20), dimana pembelaan kepada tuntutan balas telah difailkan oleh plaintif-plaintif (lampiran 29), mahkamah ini tidak membenarkan sebarang perintah injuksi terhad (limited injunction) pada masa itu seperti dipohon. Seterusnya, mahkamah ini memerintahkan agar saman dalam kamar (lampiran 47) diteruskan untuk pendengaran. Selain daripada itu, melalui tuntutan balas oleh defendan-defendan terhadap plaintif-plaintif (lampiran 20), defendan-defendan tersebut telah menuntut diantara perkara-perkara lain, satu injuksi terhadap plaintif-plaintif bahawa:

perenggan 32 (a): plaintif 1 dan 2 atau melalui agen atau pekerja atau wakil kuasa atau sesiapa yang lain yang dilantik oleh plaintif 1 dan/atau 2 dilarang/ditegah/ dihalang daripada menyiarkan simbol atau sebarang pernyataan fitnah berkaitan defendan-defendan tersebut.

(b) gantirugi untuk fitnah

(c) pembayaran semula wang yang tekah dikutip oleh plaintif-plaintif secara tidak sah untuk sinking fund, rolling fund dan fee, deposit meter air dan sebarang bayaran lain dan lain-lain tuntutan, kos dan faedah.

[10] Plaintif-plaintif juga telah memfailkan jawapan dan pembelaan (lampiran 29) kepada tuntutan balas tersebut. Oleh itu, mahkamah ini tidak dapat memberi sebarang perintah injuksi interim kepada

A plaintif-plaintif pada masa itu sehingga pihak-pihak menyelesaikan pemfailan afidavit-afidavit bagi saman dalam kamar (lampiran 47) dan mahkamah ini dapat mendengar hujah-hujah oleh kedua-dua pihak. Walau bagaimanapun, disini adalah penting untuk menyatakan bahawa mahkamah ini tidak akan mengambilkira
B tuntutan balas oleh defendan-defendan terhadap plaintif-plaintif untuk memutuskan sama ada permohonan plaintif-plaintif untuk injuksi melalui saman dalam kamar (lampiran 47) dibenarkan atau tidak. Mahkamah ini hanya memberi tumpuan kepada fakta-fakta, keadaan kes ini, affidavit-afidavit oleh kedua-dua pihak, pernyataan
C tuntutan oleh plaintif-plaintif dan pembelaan oleh defendan-defendan tersebut dan prinsip undang-undang terhadap injuksi mengenai kausa tindakan fitnah.

Keputusan

D **[11]** Mahkamah ini ingin menyatakan bahawa injuksi adalah satu remedi ekuiti dan bukan boleh dituntut sebagai hak (as a matter of right). Sama ada perintah injuksi harus diberikan atau tidak, ianya adalah satu budibicara mahkamah dan adalah, seperti yang
E dinyatakan, satu relief ekuiti. Walau bagaimanapun, budibicara yang diberikan kepada mahkamah harus digunapakai secara kehakiman di atas prinsip-prinsip yang telah ditetapkan dan secara adil (on sound and settled principles) dan tertakluk kepada fakta-fakta dan keadaan sesuatu kes. Dalam kes *S & F International Ltd.*
F *v. Trans-con Engineering Sdn Bhd*, Abdoolcader F.J berkata di ms 62:

> We should perhaps also reiterate and stress the point that the discretion whether or not to grant an interlocutory injunction is vested in the High Court Judge ...

G **[12]** Dalam *Chase Perdana Bhd v. Pekeliling Triangle Sdn Bhd & Anor* [2008] 1 CLJ 313, Alauddin FCJ berkata di ms 328:

> Next, it is trite law that the decision to award an injunction is a matter of discretion of the High Court and that the Court of
H Appeal should not overrule that discretion unless it can be shown that the High Court had incorrectly exercised its discretion.
>
> The same issue was dealt with by the Federal Court in S *& F International Limited v. Trans-Con Engineering Sdn Bhd* [1985] 2 CLJ 228; [1985] CLJ (Rep) 280. There the court held:
I
> We should perhaps also reiterate and stress the point that the discretion whether or not to grant an interlocutory injunction is vested in the High Court judge and not the

> appellate court whose function initially is one of review only, and it will not overrule the decision of the judge at first instance unless, broadly speaking, he has made an error of law or misconceived the facts, and except in those circumstances it must defer to the judge's exercise of his discretion and must not interfere with it merely upon the ground that the members of the appellate court would have exercised the discretion differently: *Duport Steels Ltd. v. Sirs* [1980] 1 WLR 142; *Hadmor Productions Ltd. v. Hamilton* [1983] AC 191, 220; *Garden Cottage Foods Ltd. v. Milk Marketing Board* [1984] AC 130. These decisions of the House of Lords were referred to and applied by the English Court of Appeal in *Ninemia Maritime Corporation* [1983] 1 WLR at p. 1421; [1984] 1 All ER at p. 418 where Kerr, LJ, in delivering the judgment of the court stated that recent decisions of the House have emphasised the importance of appellate courts resisting the temptation to interfere with the exercise of judicial discretions other than in limited circumstances.

[13] Dalam tindakan fitnah seperti dalam kes ini dan mengikut keputusan Mahkamah Agong di *The New Straits Times Press (M) Bhd lwn. Airasia Bhd* [1986] 1 LNS 80, sekiranya pembelaan adalah justifikasi atau ulasan saksama, iaitu pembelaan statutori yang diperuntukkan dibawah Akta Fitnah 1957, mahkamah ini berpendapat bahawa injuksi tidak boleh diberikan seperti diatas prinsip dalam *American Cyanamide v. Ethicon Ltd* [1975] AC 396. Abdul Hamid Pemangku Ketua Hakim Negara (pada masa itu) bagi Mahkamah Agong dalam kes *The New Straits Times Press (M) Bhd lwn. Airasia Bhd* [1986] 1 LNS 80 berkata:

> The question before the Court there for is whether an injuction ought to have been granted by the learned Judge in a case where a defendant has specifically pleaded that he will rely on a well-recognised defence.
>
> However, in deciding whether or not to grant an interlocutory injunction the Court must exercise is discretion judicially. It is of cardinal importance to bear in mind that:
>
> > Because of the court's reluctance to fetter free speech and because the questions that arise during the proceedings, such as whether the meaning is defamatory, whether justification or fair comment are applicable and as to malice, are generally for the jury, interlocutory injunctions are granted less readily in defamation proceedings than in other

matters and according to different principles" *Halsbury's Laws of England*, 4th Edition, Vol. 28, para 167. (See *Quartz Hill Consolidated Gold Mining v. Beall* [1882] 20 Ch. D.50).

In *Bonnard v. Perryman*, Lord Coleridge C.J. delivering the judgment of the Court in which Lord Esher M.R., and Lindley, Bowen and Lopes L.JJ. concurred, emphasized that:

> The right of free speech is one which it is for the public interest that individuals should possess, and indeed, that they should exercise without impediment, so long as no wrongful act is done; and, on the contrary, often a very wholesome act is performed in the publication and repetition of an alleged libel. Until is clear that an alleged libel is untrue, it is not clear that any right at all has been infringed; and the importance of leaving free speech unfettered is a strong reason in cases of libel for dealing most cautiously and warily with the granting of interim injunction. We entirely approve of, and desire to adopt as our own, the language of Lord Esher, M.R. in *Coulson v. Coulson* – 'To justify the Court in granting an interim injunction it must come to a decision upon the question of libel or no libel, before the jury have decided whether it was a libel or not. Therefore the jurisdiction was of a delicate nature. It ought only to be exercised in the clearest cases, where any jury would say that the matter complained of was libelous, and where, if the jury did not so find, the Court would set aside the verdict as unreasonable.

Authorities do also show that the principle that there shall be no interim injunction if defence is raised "applies not only to the defence of justification" *Bonnard v. Perryman*) but also to the defence of privilege" (*Quartz Hill Consolidated Gold Mining v. Beall*) and 'fair comment' (*Frase v. Evans & Ors*). "In accordance with the long established practice in defamation action, the principles enunciated by the House of Lords in *American Cyanamid v. Ethicon Ltd*. Relating to interim injuctions are not applicable in action for defamation (*Herbage v. Pressdram Ltd*).

In our judgment the learned Judge had erred in law when he exercised the power to grant interlocutory injunction contrary to the established principle governing the issue of interim injunctions in libel actions. (penekanan oleh Mahkamah ini).

The principle has clearly emerged by reason of the fact that the questions of libel or no libel are eminently matters to be decided on facts at the trial and there is also the question of the proper meaning to be assigned to the words used in a particular statement. To restrain a defendant before

the questions are determined would amount to fettering with free speech. Indeed it is because of the importance of leaving free speech unfettered that the Court must be slow in issuing interim injunction in a libel action. (penekanan oleh Mahkamah ini).

[14] Seperti dinyatakan di atas dan mengikut keputusan Mahkamah Agong dalam kes *The New Straits Times Press (M) Bhd lwn. Airasia Bhd* [1986] 1 LNS 80 didapati layanan kepada satu permohonan injuksi dalam tuntutan fitnah, sekiranya pembelaan adalah justifikasi atau ulasan saksama adalah berbeza dengan prinsip yang di nyatakan dalam kes *American Cyanamide Co. lwn. Ethicon Ltd* [1975] AC 396 untuk permohonan injuksi dan prinsip yang dinyatakan dalam kes *The New Straits Times Press (M) Bhd lwn. Airasia Bhd* [1986] 1 LNS 80 mengikat mahkamah ini atas dasar preseden mengikat (binding precedent). (Rujuk kes *Dato Kam Woon Wah & Ors lwn. Mohd Abdul Jalil bin Sarip & Anor* [1997] 5 CLJ 131 HC). Walau bagaimanapun, sama ada satu injuksi harus diberikan atau tidak, ia adalah satu remedi budibicara dan budibicara itu harus digunakan mengikut prinsip-prinsip yang dapat diterima. (Rujuk kes *Halsey v. Esso Petroleum Co Ltd* [1961] 2 All ER 145).

[15] Bagi tohmahan konspirasi, mahkamah ini ingin menyelesaikan isu ini terlebih dahulu sebelum meneruskan dengan asas injuksi ini. Dalam isu konspirasi, mahkamah ini mendapati tidak ada apa-apa fakta yang kukuh untuk menunjukkan terdapat sebarang perjanjian atau gabungan (combination) dimana dua orang atau lebih mempunyai niat bersama (common intention), untuk menyebabkan atau timbul satu sebab yang tidak sah atau membuat sesuatu melalui tindakan yang tidak sah atau memfitnahkan plaintif-plaintif seperti yang didakwa yang seterusnya mengakibatkan kerugian kepada plaintif-plaintif. (Rujuk kes *SV Beverages Holdings Sdn Bhd & 3 Ors lwn. Kickapoo (Malaysia) Sdn Bhd* [2008] 4 CLJ 20 CA). Dalam kes *Drummond-Jackson lwn. British Medical Association* [1970] 1 All ER 1094 yang dirujuk oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *SV Beverages Holdings Sdn Bhd & lwn. Kickapoo (Malaysia) Sdn Bhd* [2008] 4 CLJ 20 CA, Lord Denning MR telah menjelaskan perbezaan di antara dua tindakan (of libel) dan malicious falsehood di ms. 40 dimana dinyatakan:

Malicious falsehood and libel are distinct torts. In malicious falsehood the burden of proof that the words are false is on the plaintiff. Where as in libel the plaintiff does not have to prove that the statement is false, for the law presumes that in his favour. In *Drummond Jackson v. British Medical Association* [1970] 1 All ER 1094, at p. 1099 Lord Denning MR said:

> These two actions (of libel and malicious falsehood) must be kept distinct. They have very different consequences. In libel the law presumes everything against the writer; the words presumed to be false and malicious; and it is on the writer to prove, if he can, that the words were true and the comment was fair, or otherwise make good his defence. But in malicious falsehood the boot is on the other foot. The writer is presumed to be acting honestly and without malice; and it is for the plaintiff to prove, if he can, that the words were written by the defendant falsely and maliciously and were calculated to damage the plaintiff in his calling.

Similarly, in *Derbyshire Country Council v. Times Newspaper Ltd* [1992] 3 All ER 65, as p 81, Balcombe Q said:

> The distinction between the torts of defamation and malicious falsehood is conveniently summarized in Duncan and Neill on Defamation (2nd edn. 1983) paragraph 2.03. The essential differences are: (1) the shift in the burden of proof: in defamation the defendant has to prove that the defamatory words were true; in malicious falsehood the plaintiff must prove that the words are false; (2) in an action for malicious falsehood the plaintiff has to prove malice as part of his cause of action; this is not so in the case of defamation

[16] Di sini adalah penting untuk menyatakan bahawa mahkamah ini tidak boleh memberi sebarang keputusan terhadap kebolehpercayaan terhadap defendan-defendan atau pembelaannya di peringkat ini kerana ianya adalah suatu perkara yang hanya boleh dan patut diputuskan dalam perbicaraan penuh.

[17] Mahkamah ini juga ingin merujuk kepada kes *Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed lwn. Datuk Yeh Pao Tzu & Ors* [1977] 1 MLJ 566 dimana Mahkamah Tinggi telah membenarkan injuksi kepada plaintif seperti yang dipohon dalam kes fitnah mengikut prinsip-prinsip dalam kes *American Cyanamide Co. lwn. Ethicon* [1975] 1 All ER 504. Alasan-alasannya antara lain adalah:

(1) Publication yang dikaitkan memfitnah plaintif telah **disiarkan berturut-turut selama tempoh lebih pada atau dua minggu dalam dua surat khabar**; (penekanan oleh mahkamah ini).

(2) **Tidak ada affidavit oleh defendan yang membangkitkan sebarang pembelaan**; (penekanan oleh mahkamah ini)

[18] Disini adalah penting untuk menyatakan kes *Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed lwn. Datuk Yeh Pao Tzu & Ors* diputuskan sebelum keputusan Mahkamah Agong dimana Mahkamah Agong dalam kes *The News Starit Times Press (M) Bhd lwn. Airasia Bhd* [1986] 1 LNS 80 menyatakan prinsip dalam kes *American Cyanamide Co. lwn. Ethicon* tidak dipakai dalam kausa tindakan fitnah, sekiranya pembelaan adalah justifikasi atau ulasan saksama iaitu, pembelaan statutori seperti yang diperuntukkan dibawah Akta Fitnah 1957. Oleh itu, fakta-fakta, keadaan dan prinsip-prinsip yang dipakai dalam kes *Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed lwn. Datuk Yeh Pao Tzu & Ors* [1977] 1 MLJ 566 boleh dibezakan apabila dibandingkan dengan fakta-fakta, keadaan dan prinsip apa yang patut dipakai. Seterusnya dan dengan segala hormatnya, prinsip yang dipakai dalam kes *Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed lwn. Datuk Yeh Pao Tzu & Ors*, *supra* tidak diikut dalam kes ini.

[19] Mahkamah ini berpendapat bahawa karektor, reputasi dan intergriti seseorang atau sesebuah syarikat adalah satu aset yang bernilai bagi seseorang dalam kehidupan dan perniagaannya. Oleh itu, mana-mana pihak tidak dibenarkan untuk mengambil satu tindakan yang salah atau salahguna proses dibawah penyamaran (guise) kebebasan bersuara (freedom of speech) dan aduan yang sah kepada pihak berkuasa dan membuat fitnah dengan niat jahat (*mala fid*e), busuk hati (spiteful) dan tanpa sebarang asas sama sekali. Dalam keadaan itu, dan secara am, mahkamah ini harus bertindak dengan cepat untuk membenarkan melalui permohonan ini satu perintah injuksi terhadap orang yang bertanggung jawab kepada fitnah tersebut, khususnya dan apabila didapati kenyataan adalah palsu atau tidak benar atau dibuat dengan niat jahat. Walau bagaimanapun, adalah tugas plaintif-plaintif untuk membuktikan bahawa pertama; kenyataan-kenyataan yang disuarakan atau disiarkan atau diadukan adalah palsu, kedua; ianya dibuat dengan niat jahat iaitu tanpa sebarang asas, sebab atau alasan yang adil (without just cause or excuse) dan ketiga; plaintif-plaintif telah mengalami kerugian dimana pampasan atau gantirugi tidak boleh memulihkan apa yang dialami oleh plaintif-plaintif dan ketiga-tiga kehendak diatas harus dibaca bersama (conjunctively). (Rujuk kes *Dunlop Pneumatic Tyre Company (Limited) lwn. Maison Talbot The Eail of Shrewsbyry And Talbot; And Weigel-Clipper Pneumatic Tyre Company lwn. Same* [1904] 20 TLR 579).

[20] Oleh itu, di atas fakta tersebut dan seperti dinyatakan di atas, keputusan Mahkamah Tinggi dalam kes *Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed lwn. Datuk Yeh Pao Tzu & Ors* [1977]1 MLJ 566 boleh dibezakan apabila dibandingkan dengan fakta dan prinsip yang dipakai sekarang dalam kes di hadapan mahkamah ini seperti yang dinyatakan dalam kes *The New Straits Times Press (M) Bhd lwn. Airasia Bhd* [1986] 1 LNS 80.

[21] Mahkamah ini juga berpendapat bahawa sekiranya seorang pembeli atau seseorang yang mempunyai kepentingan diatas projek (an interested party) mempunyai satu aduan yang sebenarnya atau tidak berpuas hati terhadap pemaju atau kontraktor dimana bangunan atau unit yang telah dibeli dikatakan membuat kesalahan seperti mengutip bayaran dimana pemaju atau wakilnya tidak berhak atau meminta lebih daripada apa yang telah dijanjikan terlebih dahulu terhadap caj penyelenggaraan atau kurang tanggung jawab kepada keselamatan (lack of security) atau mengenai kebersihan atau penyelenggaraan dan perkhidmatan, pihak-pihak tersebut memang berhak dan mempunyai kebebasan untuk melaporkan atau membawa perhatian kepada pihak-pihak berkuasa secara sendiri atau melalui satu wakil yang dilantik untuk tujuan tersebut untuk tindakan lanjut. Walau bagaimanapun, tindakan ini tidak sepatutnya mengandungi sebarang unsur paksaan dengan tujuan niat jahat atau konspirasi dengan tujuan membawa kerugian atau kebencian terhadap pemaju atau kontraktor dimana akibatnya mungkin boleh membawa kerugian atau menggagalkan pembinaan atau projek-projek lain dimana ianya tidak berkaitan dengan projek atau bangunan yang terlibat dalam aduan aduan tersebut.

[22] Mengikut perenggan 20 afidavit sokongan (lampiran 4) plaintif-plaintif bagi permohonan saman dalam kamar (lampiran 3) mendakwa defendan pertama telah memfitnah plaintif pertama dan Pengurus Eksekutif plaintif pertama seawal 7 Januari 2007 mengenai bayaran atau kutipan caj penyelenggaraan bulanan daripada setiap pembeli unit apartment (Permai Lake View Apartment). (Rujuk perenggan 21 dan 22 afidavit tersebut (lampiran 4)).

[23] Mengikut perenggan 23 afidavit plaintif-plaintif (lampiran 4), mendakwa defendan-defendan telah mengadakan satu demonstrasi pada 13 Mei 2007 untuk menunjuk perasaan mereka terhadap kutipan wang caj penyelenggaraan dan ketidakpuasan hati dengan perkhidmatan oleh plaintif-plaintif.

[24] Insiden yang dikatakan telah dilakukan oleh defendan ke-5 pada 24 Jun 2007 seperti yang dibangkitkan dalam perenggan 24 afidavit plaintif-plaintif (lampiran 4) adalah tidak relevan lagi dan tidak ada kaitan terhadap defendan pertama, kedua, ketiga, kesembilan dan kesepuluh yang masih kekalkan sebagai defendan-defendan kerana plaintif-plaintif telah tidak meneruskan atau telah memberhentikan tindakan terhadap defendan kelima. (Rujuk kepada notis pemberhentian (lampiran 6).

[25] Mengikut perenggan 27 di affidavit plaintif-plaintif (lampiran 4), dikatakan aduan telah dibuat oleh seseorang bernama Encik Kamarudin bin Adnan pada 28 Jun 2007 kepada Pengarah Penguatkuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan sesalinan surat tersebut telah dihantar kepada Yang Berhormat Dato Seri Ong Ka Ting, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada masa itu. Di sini adalah penting untuk menyatakan bahawa Encik Kamarudin bin Adnan bukanlah salah seorang defendan-defendan tersebut dalam tindakan Guaman Sivil ini atau dinamakan sebagai salah seorang defendan dalam permohonan injuksi. Dengan itu, perkara-perkara yang dirujuk kepada En. Kamarudin bin Adnan tidak mempunyai hubung kait dengan defendan-defendan pertama, kedua, ketiga kesembilan dan kesepuluh. Walau bagaimanapun, apabila mahkamah ini membaca dan meneliti surat tersebut yang ditandakan sebagai eks. WSW7 didapati surat tersebut hanya 'membawa perkara-perkara yang tidak berpuas hati (grievance) mengenai permintaan lebih bayaran. Oleh itu, aduan terhadap plaintif-plaintif adalah terhadap kualiti sebahagian bangunan, kutipan wang untuk pelbagai bayaran dan penyelenggaraan dan tidak ada apa-apa yang boleh dikatakan adalah 'fitnah' atau dengan niat jahat atau busuk hati.

[26] Mengikut perenggan 30, afidavit plaintif-plaintif (lampiran 4), defendan-defendan dikatakan telah pada 16 Jun 2007 menghantar surat kepada Pengarah Biro Pengaduan Awam, Jabatan Perdana Menteri dimana aduan dibuat terhadap tindakan plaintif-plaintif yang dikatakan adalah salah. Dalam perenggan 32, afidavit plaintif-plaintif (lampiran 4), plaintif-plaintif tidak menyatakan dengan khusus siapakah yang telah menulis surat kepada pejabat-pejabat kerajaan dan pejabat-pejabat kerajaan tempatan dan memberi pandangan-pandangan tentang ketidakpuasan hati tentang kadar bayaran penyelenggaraan dan perkhidmatan yang diberi. Walau bagaimanapun, mahkamah ini mendapati bahawa untuk aduan-aduan tersebut, defendan-defendan tersebut telah membangkitkan pembelaan 'justifikasi' atau ulasan saksama (fair comment) dan

A boleh dikatakan dan mungkin berasas dan mahkamah ini berpendapat pembelaan tersebut itu hanya boleh ditentukan dalam satu perbicaraan penuh melainkan pembelaan tersebut adalah kosong atau tidak benar atau tidak berasas dimana keadaan kes ini bukan lah seperti itu. (Rujuk kes (1) *Quartz Hill Consolidated Gold*
B *Mining Company lwn. Beall* [1982] (20) Ch. D 501 (2) *Waters lwn. Sunday Pictorial Newspapers Ltd* [1961] 1 All ER 758 dan (3) *Fraser lwn. Evans And Others* [1969] 1 All ER 8.) Dalam kes *Bonnard lwn. Perryman* [1891] 2 Ch.D 269 Lord Collerridge C.J. berkata di ms. 284 – 285:

C

> *But it is obvious that the subject matter of an action for defamation is so special as to require exceptional caution in exercising the jurisdiction to interfere by injunction before the trial of an action to prevent an anticipated wrong*. The right of free speech is one which it is for the public interest that individuals should posess, and, indeed, that
> D they would exercise without impediment, so long as no wrongful act is done, and, unless an alleged libel is untrue, there is no wrong committed; but on the contrary, often a very wholesome act is performed in the publication and repetition of an alleged libel. Until it is clear that an alleged libel is untrue, it is not clear
> E that any right at all has been infringed; and the importance of leaving free speech unfettered is a strong reason in cases of libel for dealing most caustiously and warily with the granting of interim injuctions. We entirely approve of, and desire to adopt as our own, the language of Lord Esher, M.R., in *Coulson v. Coulson* (1)
> F – "To justify the Court in granting an interim injunction it must come to a decision upon the question of libel or no libel, before the jury have decided whether it was a libel or not. Therefore, the jurisdiction was of a delicate nature. It ought only to be exercised in the clearest cases, where any jury would say that the matter complained of was libelous, and where, if the jury did not
> G so find, the Court would set aside the verdict as unreasonable." In the particular case before us, indeed, the libelous character of the publication is beyond dispute, but the effect of it upon the defendant can be finally disposed of only by a jury, *and we cannot feel sure that the defence of justification is one which, on the facts which may be before them, the jury may find to be wholly unfounded; nor can*
> H *we tell what may be the damages recoverable*. Moreover, the decision at the hearing may turn upon the question of the general character of the plaintiffs; this is a point which can rarely be investigated satisfactorily upon affidavit before the trial, on which further it is not desirable that the Court should express an opinion before the
> I trial. Other wise, an injuction might be granted before the trial in a case in which at the trial nothing but nominal damages, if so much, could be obtained. Upon the whole we think, with great deference to Mr. Justice North, **that it is wiser in this case, as it**

generally and in all but exceptional cases must be, to abstain from interference until the trial and determination of the plea of justifiction. The appeal, therefore, must be allowed, and the order discharge; the costs in the Court and in the Court below to be costs in the cause. (penekanan oleh Mahkamah ini).

[27] Di sini adalah penting untuk mengambil perhatian bahawa Mahkamah Agong dalam kes *The New Straits Times Press (M) Bhd lwn. Airasia Bhd* telah mengikut prinsip yang dinyatakan dalam kes *Bonnard lwn. Perryman*. (Rujuk juga kes *Lawrence Kwek Juan Bok lwn. Lim Harn Yong* [1989] 1 LNS 66 HC, dan *Ngoi Thiam Woh lwn. CTOS Sdn Bhd & Ors* [2001] 4 CLJ 765 HC dimana kes *The New Straits Times Press (M) Bhd lwn. Airasia Bhd*) diikuti.

[28] Surat bertarikh 3 Ogos 2007 yang dirujuk dalam perenggan 33 afidavit plaintif-plaintif di lampiran 4 (eks. YSW10) yang dikatakan daripada defendan pertama kepada Bahagian Pengawasan dan Penguatkuasaan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan adalah satu surat peringatan terhadap ketidakpuasan hati terhadap kelewatan tindakan yang diambil oleh Bahagian Pengawasan dan Penguatkuasaan dan bukan dengan tujuan atau niat jahat terhadap plaintif-plaintif seperti yang diandaikan oleh plaintif-plaintif.

[29] Aduan yang dibuat kepada suratkhabar Cina pada 15 September 2007 yang dikatakan oleh defendan-defendan tersebut adalah aduan-aduan yang sama seperti diatas dan ini diakui sendiri oleh plaintif-plaintif sendiri dimana plaintif-plaintif berkata ianya adalah 'isu yang sama'. Mengenai laporan dalam suratkhabar berbahasa Cina, defendan-defendan tersebut tidak boleh disalahkan sekiranya akhbar tersebut ingin menerbitkan aduan defendan-defendan tersebut di mukasurat hadapan dengan gambar beberapa defendan-defendan tersebut. Tidak ada sebarang keterangan bahawa defendan-defendan tersebut atau mana satu defendan-defendan tersebut yang mendorong (memujuk) wartawan tersebut atau mana-mana wartawan yang tertentu untuk menerbitkan aduan tersebut di mukasurat hadapan dengan gambar beberapa defendan-defendan tersebut. Mengenai surat-surat layang ('poison letters') seperti yang dikatakan di perenggan 35 di lampiran 4, tidak ada keterangan atau butir siapakah pembuat atau penulis surat-surat tersebut.

[30] Bagi perenggan 35 afidavit plaintif-plaintif (lampiran 4), dimana dikatakan defendan-defendan telah membuat lawatan ke beberapa pejabat atau agensi-agensi kerajaan, mahkamah ini berpendapat, lawatan-lawatan secara persendirian oleh defendan-defendan tersebut kepada kesemua pejabat kerajaan dan surat kepada Ketua Kampung Tanjung Rambutan dan parti-parti politik seperti di perenggan 35 di lampiran 4, tidak ada apa-apa yang boleh dikatakan adalah tidak sah sekiranya defendan-defendan tersebut melawat pejabat kerajaan untuk membuat aduan mengenai perkara-perkara yang timbul dari masa ke semasa seperti dikatakan di atas terhadap apartment tersebut. Mengenai satu lagi persidangan akhbar pada 17 November 2007, seperti yang dinyatakan di perenggan 37 afidavit plaintif-plaintif (lampiran 4), tidak ada apa-apa yang menghairankan kerana defendan-defendan tersebut dikatakan meminta kembali bayaran yang dibuat bagi 'management contribution deposit' and 'sinking fund moneys'. Perkara ini tidak boleh dikatakan dibuat dengan 'niat jahat' atau aduan itu tidak benar atau tidak berasas.

[31] Untuk kesemua aduan-aduan tersebut yang dikatakan mengecewakan perasaan plaintif-plaintif, defendan-defendan tersebut telahpun memplidkan 'justifikasi' dan ulasan saksama (fair comment) dimana mahkamah ini mendapati ianya mungkin adalah berasas dan bukan remeh atau menyusahkan dimana diperingkat ini ianya tidak boleh diputuskan melalui keterangan affidavit. Sama ada defendan-defendan tersebut dapat berjaya dalam pembelaannya tidak boleh ditentukan dalam peringkat ini sehingga satu perbicaraan penuh diadakan dimana pihak-pihak boleh membuat pemeriksaan balas dan menentukan kebolehpercayaan saksi-saksi atau pihak-pihak yang terlibat bagi membuktikan sama ada aduan-aduan tadi atau pembelaan tidak berasas sama sekali. Walau bagaimanapun, mahkamah ini berpendapat bahawa pembelaan tersebut bukanlah remeh atau menyusahkan atau salahguna proses mahkamah dan patut diputuskan dalam perbicaraan. (Rujuk kepada *Gatley* on Libel and Slander 7th edn, paras 341 dan 354 yang dirujuk dalam kes *International Times & Ors v. Leong Ho Yuen* [1980] 2 MLJ 86). Dalam kes *NWL Ltd v. Woods* [1979] 3 All E.R 614, Lord Fraser berkata di ms. 627:

> No doubt the likelihood of successfully establishing the defence would be treated by the court as a matter of importance, and in case where the court considered that the respondent would probably be entitled to rely on the defence, it might be slow to grant an interlocutory injunction which would in practice exclude the defence. But that would be a matter for the court to decide

in the circumstances of each particular case. The word 'likelihood' is a word of degree and the weight to be given to the likelihood of establishing the defence will vary according to the degree of likelihood. If the court considers that the respondent is virtually certain to establish the trade dispute defence, it will naturally give more weight to this factor than if it considers the prospect of successfully establishing the defence is doubtful.

[32] Perkara yang dibangkitkan dalam affidavit lanjutan plaintif-plaintif (lampiran 73) tidak boleh dikatakan mengandungi unsur-unsur fitnah dengan tujuan yang jahat seperti yang dituntut oleh plaintif-plaintif. Walaupun dan sekiranya dikatakan defendan ke-9 adalah orang yang mempengaruhi orang-orang yang tertentu seperti dikatakan dalam affidavit lanjutan (lampiran 73), ianya tidak mempunyai kaitan dengan isu fitnah atau niat jahat kerana ia hanya boleh dikatakan timbul kerana defendan-defendan tersebut menyatakan pembayaran tidak patut dibuat kepada plaintif-plaintif dan walau bagaimanapun, pembelaan defendan-defendan tersebut adalah justifikasi dan ulasan saksama (fair comment). Dalam kes *Syarikat Zamani Hj Tamin Sdn Bhd & Anor v. Yong Sze Fun & Anor* [2006] 5 MLJ 262, Y.A Ramly Ali H, merujuk kepada kes *Greers Ltd v. Pearman and Corder Ltd* [1922] 39 RFC 406, dimana Scrutton LJ berkata di ms. 417 bahawa:

Honest belief in unfounded claim is not malice ...

Dalam kes *Halsey v. Brotherhood* [1881] 19 Ch.D 389, Lord Coleridge CJ di m.s 389 berkata:

It appears to me that a statement made under such circumstances does not give a ground merely because it is untrue and injurious to the plaintiff; there must be also the element of mala fides and a distinct intention to injure the plaintiff apart from the honest defence of the defendant's own property.

Dalam kes *British Railway Traffic v. CRC Co* [1922] 2 KB 260, McCardie J. berkata di m.s 269:

the mere absence of just cause or excuse is not itself malice. Malice in its proper and accurate sense is a question of motive, intention or state of mind.

[33] Afidavit yang diikrar oleh En. Arzman bin Tahrin pada 11 Januari 2008 eks. B adalah dalam Bahasa Inggeris dan tidak ada jurat. Manakala surat akuan bersumpah pada 4 April 2008 eks. M oleh Arzman bin Tahrin adalah dalam Bahasa Malaysia dan terdapat tanda tangan di bawah ruang yang menyatakan

A tandatangan "Tandatangan Majistret, Yang DiPertua Mahkamah Sesyen atau Pesuruhjaya Sumpah", dan dibawah itu diletak cop K. Kanesan. Di sini timbul sama ada deponen En Arzman bin Tahrin memahami Bahasa Inggeris seperti di eks. B apabila dibandingkan dengan eks. M dimana ianya adalah dalam Bahasa B Malaysia dan apakah berat yang harus diberi kepada kedua-dua surat sumpah dan afidavit pada peringkat ini dan apa kaitan dengan tuduhan fitnah dalam tindakan kausa plaintif-plaintif dimana mahkamah ini berpendapat bahawa kesemua perkara-perkara ini hanya boleh diputuskan dalam perbicaraan penuh.

C

[34] Bagi perkara yang dibangkitkan oleh plaintif-plaintif dalam afidavit (lampiran 73), plaintif-plaintif bebas untuk mengambil tindakan di mahkamah bagi menuntut sebarang tunggakan pembayaran tersebut daripada pihak-pihak yang gagal atau enggan D membuat bayaran seperti yang telahpun diambil oleh plaintif-plaintif dan bukannya melalui satu permohonan injuksi. Surat-surat bertarikh 28 Jun 2007 dan 16 Julai 2007 (eks. YSW15) di afidavit (lampiran 33) juga adalah aduan mengenai ketidakpuasan hati mengenai caj penyelenggaraan dan perkhidmatan dimana ia bukan E boleh dikatakan dengan niat atau tujuan jahat untuk memfitnah plaintif-plaintif tanpa sebarang asas. Surat bertarikh 28 Jun 2007 adalah sama surat yang dieksibitkan di afidavit sokongan (lampiran 4) eks. YSW7 dan dirujuk di perenggan 27 lampiran 4 dan tidak perlu diulangi.

F

[35] Bagi aduan terhadap serangan kepada Encik Liew Kar Seong, beliau bebas untuk mengambil tindakan sivil bagi menuntut gantirugi selain daripada membuat laporan polis dimana tindakan jenayah boleh diambil oleh pihak polis dan perkara ini tidak boleh G dicampur adukkan terhadap plaintif-plaintif mengenai bayaran dan perkhidmatan dimana adalah khusus aduannya. Plaintif-plaintif tidak boleh memohon injuksi bagi pihak En. Liew Kar Seong terhadap serangan tersebut dan En. Liew Kar Seong bukanlah salah seorang plaintif-plaintif dalam tindakan ini atau Saman Dalam Kamar H (lampiran 47). Walau bagaimanapun, mahkamah akan menyentuh terhadap prayer 2(d) di lampiran 47 sama ada prayer (d) patut dibenarkan terhadap defendan ke-9 dimana didapati daripada affidavit plaintif-plaintif bahawa defendan ke-9 telahpun dituduh di Mahkamah Rendah dalam satu tindakan jenayah.

I

Kelewatan

[36] Dalam kes ini, mahkamah ini juga mendapati bahawa surat-surat kepada agensi kerajaan dan pihak-pihak tertentu yang dikatakan telah dibuat oleh defendan-defendan tersebut pada tarikh-tarikh seperti dirujuk dalam afidavit-afidavit plaintif-plaintif, iaitu, lebih kurang lima bulan yang lepas dan demonstrasi adalah untuk membantah tindakan plaintif-plaintif mengenai kutipan wang atau caj penyelenggaraan di atas projek Apartment Kos Rendah (Permai Lake View) sahaja dan bukan secara am terhadap projek-projek lain oleh plaintif-plaintif. Seterusnya, writ saman (lampiran 1) dan saman dalam kamar (lampiran 3) oleh plaintif-plaintif hanya difailkan pada 29 November 2007, iaitu lebih kurang beberapa bulan selepas dari tarikh kejadian dan saman dalam kamar (lampiran 47) difailkan hanya pada 21 Februari 2008. Ini menunjukkan bahawa terdapat kelewatan yang tidak munasabah dan tidak ada sebarang penjelasan yang munasabah tentang mengapa plaintif-plaintif tidak bertindak dengan secepat mungkin atau serta merta tetapi lewat dalam memfailkan permohonan injuksi seperti saman dalam kamar (lampiran 3) dimana plaintif-plaintif memohon untuk meneruskan dengan saman dalam kamar (lampiran 3) yang difailkan pada 29 November 2007 dan kemudian melalui saman dalam kamar (lampiran 47) yang difailkan pada 21 Februari 2008 apabila plaintif-plaintif mendapati permohonan (prayers) adalah luas dan tidak tepat. Dalam kes *Bavington LD lwn. Barrington Tennat* [1957] RPC 183, Mahkamah Tinggi di Bahagian Chancery menyatakan di antara alasan yang lain mengapa injuksi tidak dibenarkan terhadap defendan adalah kerana permohonan untuk mendapatkan perintah injuksi di failkan lima bulan lewat. Rujuk kes *Tavener Rutledge Ltd. lwn. Specters LD* [1957] RPC 498 dimana terdapat tujuh minggu kelewatan dan di *Lombard Banking Ltd. lwn. DH Lombard Ltd.* [1959] 69 RPC 60 dimana terdapat lima bulan kelewatan dan Mahkamah Tinggi Bahagian Chancery tidak membenarkan perintah injuksi kerana kelewatan di samping alasan- alasan yang lain. Dalam kes *Haji Wan Habib Syed Mahmud lwn. Datuk Patinggi Hj. Abdul Taib Mahmud & Anor* [1986] 2 CLJ 115 Mahkamah Agong berkata di ms. 118:

> But it will appear that the trial Judge also relied **on the long delay of two months before the appellant sought relief** and this delay held to be unreasonable and unexplained by the appellant. Discretionary remedies are exceptional in their nature and shall not be made available to those who sleep on their rights. (penekanan oleh Mahkamah ini).

A Thus there are two factors which the learned Judge considered. Firstly, the fact that half of the period of suspection had lapsed. Secondly, he found the **delay of two months unreasonable and no explanation given**. (Rujuk kes *Ngoi Thiam Wah lwn. CTOS Sdn Bhd & Ors* [2001] 4 MLJ 510 di ms. 520)

B Delay defeats equities or equity aids the vigilant and not the indolent. Vigilantibus, non dormientibus, jura subveniunt a court of equity has always refused its aid to stale demands, where a party has slept upon his right and a acquiesced for a grant length of time. Nothing can call forth this court into activity, but conscience, C good faith, and reasonable diligence, where these are wanting, the court is passive and does nothing" per Lord Camden L.C. in *Smith v. Clay* [1767] 3 Bro C.C. 639n di m.s. 640) (Rujuk kes *Edward Goh Geok Seng lwn. Dunstan Dumpangol & Ors* (No.2) [1989] 2 MLJ 121 di m.s 122, *Chung Khiaw Bank Ltd lwn. Bajaj Textiles Ltd & Anor* [1968] 1 MLJ 299 di m.s 301, *Lim Hean Pin* D *lwn. Thean Seng Co. Sdn Bhd & Ors* [1992] 2 MLJ 10; *Khor Cheng Wah v. Sungei Way Leasing Sdn Bhd* [1996] 1 MLJ 223; *Alor Janggus Soon Seng Trading Sdn Bhd v. Sey Hoe Sdn Bhd & Ors* [1995] 1 MLJ 241 di m.s 252; *Chung Khiaw Bank; Evercrisp Snack Products (M) Sdn Bhd & Anor v. Sweeties Food Industries Sdn* E *Bhd* [1980] 2 MLJ 297 di m.s 298).

[37] Kes-kes yang dirujuk dalam keputusan ini mengenai kelewatan adalah terhadap injuksi yang secara am dimana prinsip *American Cyanamid Co. lwn. Ethicon Ltd* [1975] 1 All ER 504 dipakai. F Manakala dalam kes ini kausa tindakan plaintif-plaintif adalah 'fitnah' dan sekiranya benar kenyataan 'fitnah' telah berlaku, bukankah plaintif-plaintif patut mengambil tindakan dengan segera atau serta merta sekiranya plaintif-plaintif mengalami sebarang kerugian atau bimbang dengan projek-projek lain diatas 'fitnah' G yang dikatakan berlaku dimana aduan-aduan oleh defendan-defendan tersebut hanya merujuk kepada Apartment Permai Lake View sahaja. Malangnya, plaintif-plaintif bukan sahaja hanya memfailkan tindakan selepas beberapa bulan sejak insiden berlaku seawal 7 Januari 2007 dan demonstrasi berlaku pada 13 Mei 2007 tetapi memfailkan afidavit-afidavit sehingga bulan Julai 2008 H sebelum memohon kepada mahkamah ini untuk memberikan pertimbangan yang wajar dan adil kepada saman dalam kamar (lampiran 47) yang hanya difailkan pada 21 Februari 2008 kepada perkara-perkara yang berlaku beberapa bulan yang lepas dan tidak ada sebarang keterangan yang kukuh bahawa ia akan diulangi oleh I defendan-defendan tersebut. Walau bagaimanapun, sebenarnya permohonan untuk injuksi khususnya, harus dibuat dengan secepat mungkin (with promptness) dan dengan kadar segera untuk

memastikan sebarang tindakan yang didakwa oleh plaintif-plintif tidak diulangi oleh defendan-defendan pada masa hadapan. (Rujuk kes *Sherwell v. Combine Incandescent Mentles Syndicate Ltd* [1907] WR 211). Dalam kes *Shepherd Homes Ltd v. Sandham* [1971] 1 Ch.D 340, Megarry J. berkata di m.s 348:

> By granting a prohibitory injunction, the court does no more than prevent for the future the continuance or repetition of the conduct of which the plaintiff complains. The injunction does not attempt to deal with what has happened in the past; that is left for the trial, to be dealt with by damages or otherwise.
>
> ... in a normal case the court must, *inter alia*, feel a high degree of assurance that at the trial it will appear that the injunction was rightly granted; and this is a higher standard than is required for a prohibitory injunction.

[38] Di atas keadaan tersebut, mahkamah ini juga mendapati dengan segala hormatnya, bahawa tidak ada keadaan yang harus disegerakan dan ia tidak memberi kesan yang memaksa (compelling) untuk kehendak-kehendak plaintif-plaintif bahawa mereka sepatutnya dibenarkan satu injuksi terhadap defendan-defendan untuk menghalang sebarang tindakan yang didakwa merupakan fitnah dan diteruskan. Di atas fakta-fakta, keadaan dan latar belakang kes ini dan setelah mempertimbangkan perkara-perkara seperti yang dicatit dalam kronologi, mahkamah ini mendapati permohonan oleh plaintif-plaintif bukanlah satu keadaan di mana di atas 'practical realities' kedudukannya, perintah injuksi yang dipohon oleh plaintif-plaintif tidak boleh ditunggu atau ditangguh sehingga perbicaraan ataupun terdapat satu unsur penyelamatan (salvage element) dimana perlu disegerakan supaya perintah injuksi patut dibenarkan. (In other words, there is no salvage element involved where it is necessary on an urgent basis for the injunction sought to be granted). Dalam kes *Leisure Data v. Bell* [1988] FSR 367, Dillon LJ berkata:

> The court has to keep firmly in mind the risk of injustice to either party. Beyond that, there are many cases where there is a salvage element involved, and where it is necessary that some form of mandatory order shall be made to deal with a situation which cannot on the practical realities of the situation be left to wait until the trial.

[39] Walaupun dan seperti yang dinyatakan terlebih dahulu, pembelaan defendan-defendan tersebut adalah 'justifikasi' dan ulasan saksama (fair comment) dan bukan satu kenyataan yang

tidak benar atau dengan secara niat jahat atau tidak berasas atau remeh atau menyusahkan. Perkara yang penting untuk diberi pertimbangan adalah dan didapati tujuan defendan-defendan tersebut untuk membawa aduannya kepada pihak atasan adalah kerana mereka tidak berpuashati terhadap kutipan caj penyelenggaran dan perkhidmatan dan untuk 'sinking fund' dan bukan tanpa sebarang asas atau sia-sia sahaja atau busuk hati. Di sini ada juga diambil kira bahawa defendan-defendan tersebut atau ahli-ahli keluarga atau pembeli-pembeli bukan tidak mahu membayar tetapi mereka berpendapat caj-caj yang dikenakan adalah tidak adil dan saksama dan bertentangan dengan apa yang telah dijanjikan dan plaintif-plaintif tidak berhak untuk mengutip pembayaran tersebut. (Rujuk kes *Salisbury v. Metropolitan Ry Co* [1870] 39 LJ SC 429).

[40] Seterusnya, mahkamah ini juga mendapati tidak ada keterangan-keterangan atau fakta-fakta yang menyatakan bahawa defendan-defendan tersebut akan dan bercadang untuk meneruskan atau masih dan sedang meneruskan dengan tindakan mereka seperti membuat kenyataan-kenyataan yang dikatakan oleh plaintif-plaintif bagi membolehkan mahkamah ini mempertimbangkan sebarang perintah injuksi bagi masa hadapan dan seperti dipohon di saman dalam kamar (lampiran 47). (Rujuk kes *Watson & Son lwn. Daily Record (Glasgow) Limited* [1909] 1 KB 858 di ms. 859).

[41] Di sini adalah penting untuk menegaskan dan memberi pertimbangan yang sewajarnya bahawa pembelaan defendan-defendan tersebut kepada tuntutan plaintif-plaintif dan kepada permohonan injuksi adalah 'justifikasi' dan ulasan saksama (fair comment). Mahkamah ini mendapati bahawa pembelaan seperti 'justifikasi' dan ulasan saksama (fair comment) bukanlah remeh, meyusahkan atau salah guna proses mahkamah dan ianya hanya dapat ditentukan dalam perbicaraan penuh dan bukan dalam permohonan interlokutori untuk injuksi dan melalui keterangan affidavit. (Rujuk kes *The New Straits Times Press (M) Bhd lwn. Airasia Bhd* [1986] 1 LNS 80; *Bonnard v. Perryman* [1891] 2 Ch. D 269; *Fraser v. Evans* [1969] 1 All E.R 8 di ms. 10).

[42] Untuk mengelakkan sebarang halangan yang tidak adil kepada kebebasan bersuara (freedom of speech) walaupun kebebasan bersuara bukanlah mutlak (absolute), atau menakutkan individu dari membuat laporan atau aduan yang berasas kepada pihak berkuasa budibicara mahkamah untuk mempertimbangkan injuksi seperti dalam saman dalam kamar (lampiran 47) dimana tuntutan plaintif-

plaintif adalah 'fitnah' harus digunapakai dengan berhati-hati dan secara kehakiman dan tidak boleh mengambil kesempatan atau digunakan dengan sewenang-wenangnya atau tergesa-gesa. (Rujuk kes *William Coulson & Sons v. James Coulson & Co* [1887] 3 TLR 846; *Liverpool Stores Association v. Smith* [1887] 37 Ch.D 170; *Sim v. H.J Heinz & Co Ltd* [1959] 1 WLR 313). Walau bagaimanapun, sekiranya plaintif-plaintif telah mengalami kerugian akibat perbuatan defendan-defendan tersebut atau pembeli-pembeli apartment lain enggan membuat bayaran untuk caj penyelenggaraan kepada plaintif-plaintif seperti yang dinyatakan dalam afidavit-afidavit yang difailkan, mahkamah ini ingin menegaskan dan mengulangi bahawa plaintif-plaintif bebas untuk menuntut (recover) pembayaran tersebut sekiranya caj tersebut adalah sah melalui satu tindakan sivil sekiranya dan seperti yang dipersetujui tetapi tidak membayar dan bukan seperti yang telah ditindak oleh plaintif-plaintif dan tidak semestinya melalui satu permohonan injuksi dan seperti dalam saman dalam kamar (lampiran 47). (Rujuk kes *Griffith v. Benn* [1911] 27 TLR 346 di m.s 350).

[43] Seperti yang dikatakan terlebih awal, mahkamah ini juga berpendapat sekiranya terdapat soal niat jahat (malice) yang diandaikan (assumed) oleh plaintif-plaintif dan sekiranya ia dikatakan oleh defendan-defendan tersebut atau terdapat sebarang konspirasi, mahkamah ini berpendapat perkara itu tidak boleh ditentukan melalui permohonan interlokutori seperti dalam saman dalam kamar (lampiran 47) apabila pembelaan defendan-defendan adalah 'justifikasi' dan ulasan saksama (fair comment) dan tidak boleh dikatakan satu perbuatan yang tidak berasas, remeh atau menyusahkan atau pasti tidak dapat berjaya dalam perbicaraan penuh terhadap tuntutan plaintif-plaintif yang merupakan kausa tindakan fitnah dimana mahkamah ini telah pun menyentuh diatas isu konspirasi.

[44] Seperti yang dinyatakan terlebih awal, mahkamah ini juga mendapati tidak ada keterangan material yang kukuh yang dikemukakan dalam afidavit-afidavit plaintif-plaintif bahawa defendan-defendan tersebut akan meneruskan atau telah merancang dan bersiap sedia untuk meneruskan pada masa hadapan dengan aduan-aduan mereka kepada pihak-pihak tertentu atau akan membuat demonstrasi seperti yang dituntut dalam writ saman dengan niat jahat atau untuk membuat kenyataan memfitnah terhadap plaintif-plaintif seperti diandaikan oleh plaintif-plaintif. (Rujuk kes *Quartzhill v. Mining Companybell* 20 Ch.D 501 di

ms. 507; *Watson v. Delirecord (Glasgow)* [1907] 1 K.B 853). Dalam kes *Proctor v. Bayley* [1889] 42 Ch D 390, Cotton LJ membuat pemerhatian seperti berikut di ms. 398:

> The Court of Chancery said, 'Where a man threatens and intends to do an unlawful act, we will, before it is done, grant an injunction to prevent his doing it, and we will grant it where the act has been done and is likely to be repeated' - jurisdiction is simply preventive.

[45] Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keterangan bahawa defendan-defendan tersebut sedang merancang untuk meneruskan dengan aduan-aduan tersebut dan ada keterangan seperti itu, mahkamah ini mendapati alasan itu sahaja tidak mencukupi untuk mendapatkan satu perintah injuksi terhadap defendan-defendan tersebut sekiranya aduan-aduan tersebut adalah terhadap caj penyelenggaraan yang dikutip dan perkhidmatan dan untuk 'sinking fund' yang dituntut oleh plaintif-plaintif di apartment tersebut kerana defendan-defendan telah membangkitkan alasan-alasan untuk pembelaan iaitu 'justifikasi' dan ulasan saksama (fair comment) dimana diadukan bahawa plaintif-plaintif tidak sepatutnya berlaku atau berhak mengutip bayaran-bayaran tersebut.

[46] Seterusnya, mahkamah ini juga mendapati bahawa tidak ada keterangan yang mencukupi bahawa kenyataan yang dibuat oleh defendan-defendan tersebut melalui surat-surat kepada pihak-pihak berkuasa adalah palsu atau dengan niat jahat (maliciously) atau tanpa sebab atau alasan yang adil. (Rujuk kes *Royal Baking Powder v. Wright* [1901] 18 R.P.C 95 (HL); *Dunlop Pnuematic Tyre Co v. Maizon Tileboard* [1904] 20 TLR 580).

[47] Pada 20 Ogos 2008, apabila pendengaran saman dalam kamar (lampiran 47) di panggil untuk keputusan, mahkamah ini telah mengemukakan lima soalan kepada kedua-dua pihak untuk memberi butir-butir lanjut, bagi membolehkan pihak-pihak memberi jawapan kepada mahkamah ini, kes ini telah ditangguhkan pada 4 September 2008 dan kemudian pada 15 September 2008. Kelima-lima soalan-soalan seperti di Lampiran 102A adalah seperti berikut:

a. Bilakah surat aduan dihantar kepada agensi-agensi kerajaan dan pihak-pihak tertentu dan oleh siapa? Selepas tarikh tersebut, adakah apa-apa surat selanjutnya dihantar dan kepada siapa dan oleh siapa?

b. Bilakah demonstrasi diadakan dan siapa yang mengambil tindakan untuk mengadakan demonstrasi dan dimana dan siapakah yang hadir? A

c. Adakah apa-apa demonstrasi telah diadakan selepas tarikh tersebut? Jika ada, siapakah yang mengambil tindakan untuk adakan demonstrasi tersebut dan siapakah yang hadir? B

d. Bagi prayer (f) (d) di Lampiran 47, iaitu:

> bahawa defendan-defendan dan/atau ejen-ejen dan/atau pekerja-pekerja mereka dihalang dari bertindak ganas mengancam intimidasi atau serang ejen-ejen atau pekerja plaintif-plaintif,
> Perintah ini dipohon terhadap siapa? C

(5) Boleh memberi hujah lanjut mengenai kes *The New Strait Times Press (M) Bhd lwn. Airasia Bhd* [1986] 1 LNS 80, dimana dalam kes di hadapan mahkamah ini, kausa tindakan plaintif-plaintif adalah diatas fitnah. D

[48] Untuk menjawab kepada kelima-lima soalan tersebut, peguam bagi plaintif-plaintif telah memfailkan satu senarai pada 10 September 2008 yang ditandakan sebagai lampiran 109. Manakala peguam bagi defendan-defendan tersebut telah mengemukakan satu hujahan bertulis lanjutan (lampiran 110). Kedua-dua peguam yang bijaksana telah membuat hujah-hujah lanjutan secara lisan pada 15 September 2008 dan peguam bagi plaintif-plaintif mengemukakan kes-kes berikut yang berkaitan dengan tindakan fitnah untuk menyokong hujah-hujah lanjutan. E F

(1) Kes *Ahmad bin Said lwn. Zulkiflee bin Bakar & Yang Lain* [1997] 1 LNS 427 yang dirujuk oleh peguam plaintif-plaintif, diantara perkara yang lain, fakta-fakta dan keadaan kes adalah berbeza apabila dibanding dengan kes di hadapan mahkamah ini. Fakta-fakta dalam kes *Ahmad bin Said* adalah: G

Pertama: Mahkamah telah pun memberi satu perintah injuksi *ex parte* terhadap defendan-defendan dengan sendirinya melalui agen-agen atau pengkhidmat mereka atau dengan apa jua cara lain di halang daripada terus menerus menulis mencetak, mengedar, menjual dan menerbitkan dimana media cetak dan mengulangi perkataan salahlaku, korup atau penyalahgunaan kuasa terhadap plaintif berbangkit dengan lawatan H I

plaintif ke Eropah dan England atau mana-mana fitnah yang bersamaan dengannya terhadap plaintif dimana defendan memohon untuk membatalkan perintah injuksi tersebut;

Kedua: Isu yang timbul dalam kes itu adalah, sama ada penyataan dalam laporan pertama dan laporan kedua ditujukan kepada plaintif dan didapati ianya ditujukan kepada plaintif ketiga.

Ketiga: Kes-kes *Lewis lwn. Daily Telegraph Ltd.* [1964] AC 294, *Wan Abdul Rashid lwn. S. Sivasubramaniam* [1984] 1 MLJ 385 dan *Abdul Rahman Talib lwn. Seenivasagam & Anor* [1966] 2 MLJ 66 yang dirujuk oleh Y.A. Hakim dalam kes itu adalah keputusan dan pendapat selepas satu perbicaraan penuh dan bukan keputusan untuk sama ada perintah interlocutori dapat diberi sebelum perbicaraan penuh terhadap pembelaan 'justifikasi' dan ulasan saksama (fair comment).

Keempat: Y.A. Hakim dalam kes itu mendapati daripada dokumen-dokumen bahawa lawatan oleh plaintif dibiayai dengan wang sendiri dimana defendan dalam laporan tersebut menyatakan dan menggunakan perkataan beliau mempercayai terhadap kenyataan beliau dimana keterangan-keterangan yang dikemukakan menunjukkan sebaliknya dan didapati tidak betul. Dalam keadaan tersebut Y.A. Hakim memutuskan kes plaintif termasuk di bawah pengecualian (exception) kepada prinsip asas kes *The New Straits Times Press (M) Bhd v. Airasia Bhd* [1986] 1 LNS 80.

Kelima: Kes *Hasnul bin Abdul Hadi lwn. Bulat bin Mohamed & Anor* [1978] 1 MLJ 75 dalam keputusan di kes *Ahmad bin Said* yang dirujuk adalah satu keputusan selepas perbicaraan pemohonan dan Y.A. Hakim mendapati tohmahan tentang pembiayaan oleh syarikat swasta terhadap perbelanjaan lawatan plaintif ke Eropah itu tidak benar dan dengar cakap 'hearsay'.

Keenam: Kes *Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed lwn. Datuk Yeh Pao Tzu & Ors* [1977] 1 MLJ 566 yang dirujuk adalah berdasarkan kepada satu kes dimana tidak ada afidavit jawapan oleh defendan diatas permohonan interlocutori untuk injuksi dan sebelum keputusan dalam kes *The New Straits Times Press (M) Bhd v. Airasia Bhd* dilaporkan.

Ketujuh: Perintah injuksi *ex parte* tersebut diberikan terhadap penerbitan melalui media cetak.

[49] Diatas sebab-sebab tersebut, Y.A. Hakim dalam kes *Ahmad bin Said* menolak permohonan defendan bagi kandungan 9 untuk membatalkan perintah injuksi *ex parte* dan membenarkan permohonan kandungan 10 oleh plaintif untuk melanjutkan perintah injuksi interlocutori dimana pada mulanya berkuatkuasa selama 14 hari dari tarikh perintah tersebut diberikan.

[50] Dengan perkara tersebut, diatas fakta-fakta dan keadaan kes, kes *Ahmad bin Said lwn. Zuliflee bin Bakar dan Yang Lain* boleh dibezakan apabila dibandingkan dengan kes di hadapan mahkamah ini seperti di nyatakan diatas dan dimana permohonan oleh plaintif-plaintif dibantah dan ditentang melalui afidavit jawapan dan pembelaan justifikasi dan ulasan saksama (fair comment) telah dibangkitkan terhadap aduan-aduan yang dibuat kepada pihak berkuasa yang tertentu dimana mahkamah ini tidak boleh mendapati ianya bukanlah satu pembelaan dimana ia memang tidak dapat dikekalkan. Sebaliknya, pembelaan tersebut perlu diputuskan dalam perbicaraan penuh dan bukan melalui keterangan afidavit.

(2) *Kes Anwar bin Ibrahim lwn. Abdul Khalid @ Khalid Jefri bin Bakar Shah* [1998] 6 MLJ 365 yang dirujuk oleh peguam bagi plaintif-plaintif dengan segala hormatnya, juga boleh dibezakan;

Pertama

(1) Permohonan oleh plaintif dan perintah yang diberikan adalah secara *ex parte* dan adalah untuk menghalang defendan-defendan dan/atau wakil-wakil agen, pekerja-pekerja dan/atau sesiapa yang diarahkan atau dilantik untuk mewakili mereka dihalang daripada menulis, mengulang cetak publisiti dan/atau mengedarkan sebuah buku bertajuk '50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi Perdana Menteri' dan/atau melalui gambar atau penerbitan dan/atau melalui sebarang innuendo,

A Kedua

(2) Perintah injuksi secara *ex parte* yang diperolehi oleh plaintif adalah terhadap pembuat (author) dan penerbit (publisher) buku tersebut.

B Ketiga

(3) Kenyataan yang dikatakan sebagai fitnah didapati dibuat selama lapan kali (8 instances).

C Keempat

(4) Kandungan dalam buku tersebut di antara perkara yang lain adalah berdasarkan kepada satu laporan sulit yang di hantar kepada YAB Perdana Menteri Malaysia dimana salinan laporan tersebut diberikan kepada
D defendan pertama (pembuat buku tersebut).

Kelima

(5) Polis telah menangkap pembuat laporan sulit tersebut
E yang menghantar laporan kepada YAB Perdana Menteri Malaysia.

Keenam

(6) Mengikut defendan pertama, sebagai seorang penulis
F dan wartawan, tujuan beliau menulis buku tersebut adalah untuk memaklumkan orang ramai dan defendan pertama sebagai penulis dan wartawan bertanggungjawab untuk memberitahu orang ramai tindakan plaintif.

G Ketujuh

(7) Kenyataan oleh defendan pertama adalah melalui sindiran (innuendo) dan merujuk kepada plaintif.

Kelapan

H

(8) Kenyataan akhbar yang dibuat oleh defendan pertama di atas kemungkiran perintah injuksi *ex parte* yang dibenarkan pada 23 Jun 1998 dengan mengulangi kenyataan fitnah pada 26 Jun 1998 dan 29 Jun 1998.

I

Kesembilan

(9) Y.A. Hakim mendapati kenyataan "expressions" atau perkataan yang diulangi selama lapan kali (eight instances) adalah tidak benar kerana (i) pembuat asal kenyataan telah menafikan kenyataan tersebut dan kebenaran (the truth) kandungan dalam laporan sulit telah dinafikan dan tidak ada bukti bahawa penafian tersebut telah diperolehi secara paksaan seperti yang didakwa oleh defendan-defendan, (ii) tohmahan-tohmahan didapati kosong dan spekulasi (bare and speculative),

Kesepuluh

(10) Didapati tujuan khas (sole or dominant purpose) untuk penerbitan adalah konspirasi dan untuk menyedarkan plaintif dimana prinsip *American Cyanamide Co. lwn. Ethicon Ltd* [1975] 1 All ER 504 dipakai kerana didapati kausa tindakan adalah tort pakatan jahata (torts of conspiracy).

Kesebelas

(11) Didapati tujuan penerbit itu adalah merupakan satu surat layang (as a long poison letter) yang termasuk dalam bentuk buku dan kandungannya adalah ditumpukan kepada 'character as in action' terhadap plaintif dan dengan tujuan melaga-lagakan supaya dapat timbul satu keadaan salah faham (right) bukan sahaja diantara plaintif dan YAB Perdana Menteri Malaysia tetapi diantara plaintif dan tokoh-tokoh (top leaders) dalam kerajaan dan UMNO.

Kedua belas

(12) 15,000 salinan buku telah dicetak dan 2,000 salinan telah diedarkan kepada delegasi-delegasi dalam Mesyuarat Tahunan UMNO dan diedarkan (circulation) kepada orang ramai adalah edisi kedua buku tersebut dalam bentuk Photostat.

A Ketiga belas

(13) Penafian defendan pertama bahawa beliau mengetahui mengenai perintah injuksi *ex parte* tidak dipercayai oleh Y.A. Hakim kerana perintah injuksi *ex parte* telah
B diterbitkan dalam surat khabar tempatan.

Keempat belas

(14) Didapati dan defendan pertama adalah seorang bankrupt dan tidak mampu untuk membayar
C gantiruginya secara alternatif dan peguam bagi defendan tidak berhujah terhadap ganti rugi kepada defendan akibat perintah injuksi *ex parte*.

Kelima belas

D

(15) 2,000 salinan buku tersebut telah diedarkan kepada delegasi-delegasi UMNO membelakangi perintah Injuksi *ex parte* bertarikh 17 Jun 1998 (injuksi pertama).

Keenam belas

E

(16) Mahkamah telah mengambil kira jenis dan berat (nature and gravity) kenyataan fitnah dan status serta posisi plaintif dalam kerajaan dan parti politik pada masa itu.

F Ketujuh belas

(17) Lanjutan fitnah akan menimbulkan bukan sahaja salahfaham diantara plaintif sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Perdana Menteri tetapi ia juga akan menghilangkan keyakinan oleh orang ramai diatas
G pasukan polis khasnya dalam siasatan jenayah dan akan menjejaskan hubungan antarabangsa dengan Kerajaan Amerika Syarikat dan juga dimana perkataan yang mengandungi dalam sepanduk (banner) telah salahnyata.

H Kelapan belas

(18) Didapati keputusan fitnah itu akan merosakan nama dan negara dimana agama Islam adalah agama rasmi dan imej kaum Melayu dan ia akan menjejaskan ekonomi
I negara.

Kesembilan belas

(19) Defendan pertama merupakan seorang wartawan (Journalist). Oleh itu, permohonan defendan untuk mengenepikan perintah injuksi *ex parte* telah ditolak.

[51] Dalam kes *Lawrence Kwek Juan Bok lwn. Lim Hang Yong* [1989] 1 LNS 66 Chan Sek Keong H (pada masa itu) mendapati bahawa di England, mahkamah-mahkamah berhati-hati atau mengambil (cautious approach) mengenai permohonan injuksi dalam tindakan fitnah kerana sama ada kenyataan dan penerbitan yang dibuat oleh satu pihak boleh dikatakan fitnah adalah pertama, tugas juri dalam perbicaraan dan bukan hakim dan kedua, berdasarkan kepentingan awam, hak kebebasan ucapan tidak seharusnya di kawal tanpa batasan (unfettered). Oleh itu, Chan Sek Keong H. (pada masa itu) berpendapat bahawa kecuali perkataan-perkataan yang diadukan (complaint) adalah jelas fitnah, seseorang hakim tidak akan memberikan perintah injuksi interim untuk menghalang (restraint) penerbit (publication) atau mengulangi perkataan-perkataan yang diadu dimana dan kalau boleh dikatakan (arguable) mungkin bukan fitnah terhadap plaintif. Di atas sebab-sebab itu, Chan Sek Keong H (pada masa itu) berpendapat di England dalam keadaan tersebut dan sekiranya perintah injuksi interim dibenarkan oleh hakim, ia bukan sahaja merampas (usurpation) fungsi juri tetapi adalah bertentangan dengan kepentingan awam dimana hak kebebasan untuk bercakap benar tanpa batasan (unfettered). Walau bagaimanapun dikatakan bahawa tidak ada prinsip atau otoriti yang mencadangkan bahawa ketiadaan (absence) juri dalam perbicaraan fitnah dibanding kuasa ini akan memberi kesan (affects) kepada rasional prinsip itu yang tetap. Mengikutnya, dan dalam keadaan dimana tidak ada juri hakim memainkan peranan juri untuk menghalang dimana defendan ingin menjustifikasikan (justify) kebenaran (the truth) kenyataan. Seterusnya juga, didapati dimana plaintif dalam kes itu gagal untuk membawa sebarang kes supaya Mahkamah Tinggi Singapura tidak mengikut Otoriti England dalam kes fitnah mengenai injuksi dan menolak permohonan plaintif untuk menentukan sama ada perkataan yang dipakai adalah fitnah atau dimana justifikasi diplidkan sama ada defendan telah menimbulkan pembelaan seperti itu. Walau bagaimanapun, dikatakan sekiranya isu Juri yang dibangkit mempunyai merit kepentingan awam untuk mengekalkan hak kebebasan bersuara juga mencukupi untuk tidak membenarkan injuksi dimana defendan ingin menjustifikasikan kebenaran

perkataan-perkataan. (Rujuk kes *Bestow Lall Paints Ltd v. Bigg* [1975] FLR 421 yang diikuti). Dalam kes *Lawrence Kwek Juan Bok lwn. Lim Hang Yong*, Chan Sek Keong H. (pada masa itu) berkata:

> It is not doubted that this court has, in the exercise of its equitable jurisdiction or under s. 3(a) of the Civil Law Act (Cap 43) (which is a re-enactment of the Common Law Procedure Act 1854), the power to grant interim injunctions to restrain the publication or repetition of defamatory statements. But, if the English authorities are applicable to Singapore, then the jurisdiction will be exercised sparingly and only in clear cases. In England, two reasons have been advanced by the courts to justify this cautious approach. The first is founded on the separation of the functions of judge and jury in a defamation trial where it is the function of the jury and not the judge to find whether the words complained of, assuming that they are capable of bearing a defamatory meaning, are in fact defamatory of the plaintiff. It therefore follows that except in cases where the words complained of are clearly defamatory, in the sense that any finding by the jury to the contrary will be reversed on appeal, a judge will not grant an interim injunction to restrain the publication or repetition of the words complained of where it is arguable that they may not be defamatory of the plaintiff. The second reason is based on the public interest that the right of free speech should not be unfettered: see *Herbage v. Times Newspapers The Times* 1 May 1981 (CA). Where a plaintiff seeks the prior restraint of the publication by the defendant of words which are alleged to be defamatory of him, the court is not merely concerned with the direct and immediate interests of the parties to the action. Otherwise, injunctions would be granted as a matter of course as it is seldom that the defendant can show that he has an interest in immediate publication which overrides the interest of the plaintiff not to be injured by the publication. The court is also concerned with the public interest in upholding the right of free speech.
>
> In my view, there is neither principle nor authority to suggest that the absence of a jury in a defamation trial affects the rationale of the established principle. In such a situation, the judge assumes the role of the jury in determining whether the words used are defamatory or, where justification is pleaded, whether the defendant has made out such a defence. But, until the action is tried, the judge is in exactly the same position as a jury, in a trial where there is a jury. Like a jury, a judge is also in no position to say whether the defence has been established until he has heard all the evidence. But, even assuming that the jury point has some merit, the public interest in maintaining the right of free speech is in itself a sufficient reason to justify the denial of prior restraint where the defendant intends to justify the truth of his statements.

[52] Kes *Petroliam Nasional Bhd & Ors lwn. Khoo Nee Kiong* [2003] 4 CLJ 303 HC yang dirujuk oleh peguam bagi plaintif dengan hormatnya tidak ada kaitan sama sekali atau memberi kesan kepada kes di hadapan mahkamah ini kerana:

Pertama; (1) tohmahan plaintif terhadap defendan adalah defendan cuba mengelirukan orang ramai dengan nama domain plaintif Petronas dalam internet dengan pendaftaran Nama domain Petronas yang mengandungi PETRONIAM untuk tujuan jualan produk defendan dimana defendan juga mempunyai web site diatas nama 'www.petronasgas.com'.

Kedua; (2) Defendan dikatakan telah salahnyata (misrepresented) kepada pedagang dan orang ramai bahawa web site yang dioperasikan oleh defendan ada kaitan dengan nama domain PETRONAS yang pemiliknya adalah plaintif dan ia menunjukkan perniagaan produk dan perkhidmatan defendan adalah berkaitan dengan produk-produk dan perkhidmatan plaintif atau datang daripada plaintif dan ini telah menimbulkan kekeliruan dan penipuan (deception) diantara kalangan pedagang dan orang ramai yang mengakibatkan kerugian kepada pihak plaintif.

Ketiga; (3) Defendan telah menerbitkan kenyataan yang merujuk kepada plaintif dan dikatakan adalah fitnah.

[53] Diatas itu, plaintif dalam kes itu telah memohon di antara perkara-perkara lain satu injuksi terhadap defendan untuk menghalang daripada menggunakan nama plaintif (passing off the name of the plaintiff) dan publishing atau mengulangi kenyataan yang dikatakan fitnah dalam internet dimana ianya tidak dapat dipampas dalam bentuk ganti rugi. Pada mulanya plaintif telah memperolehi satu perintah injuksi secara *ex parte* dan kemudian permohonan didengar secara *inter parte*. Dalam afidavit jawapan, defendan-defendan menafikan sama sekali bahawa beliau yang bertanggungjawab kepada perkara-perkara yang didakwa oleh plaintif dan defendan tidak ada kaitan dengan website tersebut dan defendan tidak menghantar kenyataan yang dikatakan fitnah.

Defendan tidak berharap atau memplidkan pembelaan justifikasi, hak istimewa (privilege) atau ulasan saksama (fair comment) diatas perkara kepentingan awam.

[54] Diatas keseluruhan fakta kes dalam kes *Petroliam National Bhd lwn. Khoo Nee Kiong* Y.A. Su Geok Yiam PK (pada masa itu) mendapati dan berpuas hati bahawa:

a. kenyataan yang dikatakan fitnah merujuk kepada plaintif, kenyataan itu adalah palsu fitnah plaintif dan disiarkan dengan niat untuk menerbitkan dan memfitnah plaintif.

b. defendan yang menyiarkan kenyataan fitnah dan diulangi oleh defendan berkali-kali dan defendan menakutkan ia akan disiarkan lagi dimana defendan dikatakan telah menjemput pembaca membaca kenyataan tersebut di website untuk meluaskan kes itu didunia (worldwide) dan sekiranya ini disiarkan lagi ia akan memberi kesan dan kerugian kepada perniagaan plaintif kerana kenyataan itu mungkin akan disiarkan kepada orang yang menggunakan internet dimana ianya tidak terhad (unlimited member of internet users) termasuk syarikat tempatan dan di luar negara.

c. Oleh itu, Mahkamah Tinggi dalam kes itu mendapati perintah injuksi patut dan harus diberikan.

[55] Walau bagaimanapun, Y.A. Su Geok Yiam PK (pada masa itu) juga mendapati dan bersetuju prinsip yang lain dipakai daripada prinsip di *American Cyanamide Co. lwn. Ethicon Ltd* [1975] AC 396, *Keet Gerald Francis Noel John lwn. Mohd Noor bin Abdullah & Ors* [1995] 1 CLJ 293 CA dan *Alor Janggus Soon Seng Trading Sdn Bhd & Ors lwn. Sey Hoe Sdn Bhd & Ors* [1995] 1 CLJ 461 SC untuk injuksi Interlocutory bagi kes fitnah walaupun mahkamah mempunyai bidang kuasa untuk menghalang penerbitan (publication) kenyataan fitnah jika perlu terhadap permohonan interlocutory dan rujuk kepada kes *Quartz Hill lwn. Consolidated Gold Mining Co. lwn. Beach* [1882] 20 Ch. D. 501, *Bonnard lwn. Perryman* [1891] 2 Ch. 269 dan kes *The New Straits Times Press (M) Bhd lwn. Airasia Bhd* [1986] 1 LNS 80.

[56] Diatas hujah-hujah balas oleh peguam bagi defendan-defendan tersebut bahawa item No. 4 dan 5 di lampiran 109 bukanlah demonstrasi yang diulangi oleh defendan-defendan tersebut atau bagi pihak mereka tetapi butir-butir aduan dimana peguam bagi plaintif-plaintif telah akui (concede) perenggan No. 4

& 5 di lampiran 109 bukanlah demonstrasi yang diulangi dan tidak ada sebarang demonstrasi diadakan selepas saman dalam kamar difailkan di mahkamah ini.

[57] Mahkamah ini juga mendapati bahawa defendan-defendan tersebut tidak boleh dihalang (restraint) dari menghantar aduan-aduan sama ada kepada agensi kerajaan yang berkaitan atau kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan atau kepada tokoh-tokoh politik mengenai masalah yang dihadapi oleh defendan-defendan tersebut atau oleh ahli-ahli keluarganya atau diatas perkara-perkara yang berkaitan dengan apartment tersebut apabila defendan-defendan atau ahli-ahli keluarga tersebut mendapati ianya adalah tidak adil kepada defendan-defendan tersebut atau ahli-ahli keluarga atau tidak memuaskan hati defendan-defendan tersebut atau ahli-ahli keluarganya terhadap apartment tersebut.(Rujuk kepada art. 10(1)(a) dan (b) Perlembagaan Persekutuan).

[58] Kes-kes yang dirujuk oleh peguam plaintif-plaintif iaitu:

(1) *Caltex Oil Malaysia Ltd lwn. Tee Than Song* [1969] 2 MLJ 184.

(2) *Noor Aini binte Majid lwn. Pentex Sdn Bhd* [1987] 1 CLJ 396; [1987] CLJ (Rep) 807 HC

(3) *Lian Keow Sdn Bhd & Anor lwn. Overseas Credit Finance (M) Bhd & Ors* [1982] CLJ 350; [1982] CLJ (Rep) 182 FC.

(4) *Ng Hee Thoong & Anor lwn. Public Bank Bhd* [1995] 1 CLJ 609 CA

(5) *High Mark (M) Sdn Bhd lwn. Pacto Malaysia Sdn Bhd* [1987] 2 MLJ 85.

(6) *Keet Gerald Francis Noel John lwn. Mohd Noor bin Abdullah & Ors* [1995] 1 CLJ 293.

(7) *American Cyanamide Co lwn. Ethicon Ltd* [1975] A.C. 396

dengan segala hormatnya, seperti dalam ketujuh-tujuh kes tersebut tidak membantu mahkamah ini kerana dan seperti dinyatakan di atas, prinsip undang-undang yang dipakai bagi tuntutan fitnah dan permohonan injuksi bagi tuntutan-tuntutan lain adalah berbeza apabila dibandingkan dengan fakta-fakta, keadaan dan latarbelakang kes dan kausa tindakan plaintif-plaintif dan pembelaan defendan-defendan tersebut dihadapan mahkamah ini dengan kes-kes

tersebut yang dirujuk oleh peguam bagi plaintif-plaintif. Kes-kes tersebut hanya membantu mahkamah untuk meneliti dan memberi pertimbangan kepada prinsip undang-undang bagi injuksi secara am dan bukan secara khusus kepada injuksi yang dikatakan atau didakwa satu kausa tindakan fitnah seperti yang dikatakan oleh plaintif-plaintif dan pembelaan defendan-defendan tersebut adalah justifikasi atau ulasan saksama dan seperti yang dikatakan terlebih awal oleh Mahkamah ini. Mengikut keputusan Mahkamah Agong dalam kes *The New Straits Times Press (M) Bhd v. Airasia Bhd* [1986] 1 LNS 80, perintah injuksi tidak patut dibenarkan sekiranya pembelaan-pembelaan yang dibangkitkan adalah justifikasi atau ulasan saksama (fair comment) dan juga dinyatakan bahawa prinsip dalam kes *American Cyanamide Co. lwn. Ethicon Ltd* [1975] AC 396 mengenai injuksi tidak terpakai. Oleh itu, mahkamah ini perlu dan harus mengikut doktrin *stare decisis* untuk mengekalkan satu keputusan yang boleh membawa kepastian kepada profesion undang-undang dan litigan.

(1) Dalam kes *Public Prosecutor v. Datuk Tan Cheng Swee & Anor* [1980] 2 MLJ 276, Chang Min Tat FJ berkata di m.s. 277:

> It is however necessary to reaffirm the doctrine of stare decisis which the Federal Court accepts unreservedly and which it expects the High and other inferior Courts in a common law system such as ours, to follow similarly.

(2) Dalam kes *Cassell & Co Ltd v. Broome & Anor*, Lord Hailsham of St Maryleboyrne LC berkata di ms. 563, E5-F6:

> The fact is, and I hope it will never be necessary to say so again, that, in the hierarchical system of courts which exists in this country, it is necessary for each lower tier, including the Court of Appeal, to accept loyally the decisions of the higher tiers. Where decisions manifestly conflict, the decision in *Young v. Bristol Aeroplane Co Ltd* [1944] KB 718 offers guidance to each tier in matters affecting its own decisions. It does not entitle it to question considered decisions in the upper tiers with the same freedom.

(3) Dalam kes *Kathavarayan v. Ng Sup Moi & Anor* [1985] 1 LNS 8, Siti Norma Yaakob H (pada masa itu) berkata:

> The principle of stare decisis has long been accepted by our courts and this was reaffirmed again in the case of *Public Prosecutor v. Datuk Tan Cheng Swee & Anor* where the

> Federal Court held that "the principle requires more than lip service". Being a lower tribunal, I am duty bound to follow the precedent set by the Federal Court ...

(4) Dalam kes *Periasamy s/o Sinnappan v. Public Prosecutor* [1996] 3 CLJ 187, Gopal Sri Ram HMR berkata di ms. 213-214:

> Lastly the learned appellate judge did not sufficiently address his mind to the decision in *Khoo Hi Chiang*. We find the cavalier fashion on which he approached the judgment of a five-member bench of the Supreme Court in a case which was an authority binding upon him to be quite appalling. We are convinced that the learned judge ought not to have brushed it aside as he did. We may add that it does not augur well for judicial discipline when a High Court judge treats the decision of the Supreme Court with little or no respect in disobedience to the well-entrenched doctrine of stare decisis. We trust that the occasion will never arise again when we have to remind High Court judges that they are bound by all judgments of this court and of the Federal Court and they must, despite any misgivings a judge may entertain as to the correctness of a particular judgment of either court, apply the law as stated therein.

(5) Dalam kes *Dalip Bhagwan Singh v. Public Prosecutor* [1997] 4 CLJ 645, Peh Swee Chin SCJ (pada masa itu) berkata di ms. 660:

> The doctrine of stare decisis or the rule of judicial precedent dictates that a court other than the highest court is obliged generally to follow the decisions of the courts at a higher or the same level in the court structure subject to certain exceptions affecting especially the Court of Appeal.

(6) Dalam kes *Tai Chai Yu v. The Chief Registrar of the Federal Court* [1998] 2 CLJ 358, Gopal Sri Ram HMR di ms. 360 berkata:

> A final decision of the Federal court, once pronounced, is binding upon the parties thereto and its correctness may only be questioned in a subsequent case where the identical point of law arises for decision.

(7) Dalam kes *Dato' Tan Heng Chew v. Tan Kim Hor & Another Appeal* [2006] 1 CLJ 577, Steve Shim CJ (Sabah and Sarawak) berjata di ms. 583:

> Judicial hierarchy must be observed in the interests of finality and certainty in the law and for orderly development of legal rules as well as for the courts and lawyers to regulate their affairs. Failure to observe judicial precedents would create chaos and misapprehension in the judicial system.

[59] Oleh yang demikian, mahkamah ini ingin menegaskan dan mengulangi bahawa kes-kes tersebut yang dirujuk oleh peguam bagi plaintif-plaintif tidak terpakai dan tidak membantu kes plaintif-plaintif dan boleh dibezakan diatas fakta dan latar belakang kes-kes tersebut dan setelah mengikut kes *The New Straits Times Press (M) Bhd v. Airasia Bhd* [1986] 1 LNS 80.

[60] Mengenai jemputan oleh peguam bagi plaintif-plaintif supaya mahkamah ini melawat apartment dalam scheme Permai Lake View untuk melihat keadaan dan kedudukan kenyataan terhadap aduan defendan-defendan, mahkamah ini, dengan segala hormatnya, berpendapat tidak perlu untuk melihat perkarangan bangunan atau bangunan tersebut kerana keputusan mahkamah ini diatas permohonan injuksi dibuat berdasarkan kepada keterangan affidavit-afidavit dan dokumen-dokumen yang telah dieksibitkan beserta hujah-hujah oleh kedua-dua pihak yang merujuk kepada kes dan prinsip undang-undang. Oleh itu dan dengan segala hormatnya, mahkamah ini berpendapat tidak perlu untuk melihat pada masa sekarang tempatnya pada kedudukan sekarang dan asas permohonan untuk injuksi oleh plaintif-plaintf adalah terhadap keadaan dan perkara-perkara yang berlaku pada beberapa bulan yang lepas dan bukan kepada keadaan atau kedudukan sekarang. Oleh itu, mahkamah ini tidak boleh menyentuh atau membuat keputusan berdasarkan kepada keadaan atau kedudukan sekarang atau mengenai kebolehpercayaan kredibiliti pihak-pihak di peringkat ini dalam permohonan saman dalam lamar (lampiran 47) atau terhadap merit kes. (Rujuk kes *Wakefield v. Duke of Buccleugh* [1865] 12 L.T 628).

[61] Mahkamah ini juga telah memberi pertimbangan kepada prinsip yang dinyatakan dalam kes *Alor Janggus Soon Seng Trading Sdn Bhd lwn. Sey Hoe Sdn Bhd* [1995] 1 CLJ 461 untuk membezakan dengan prinsip yang dinyatakan dalam kes *The News Straits Times Press (M) Bhd v. Airasia Bhd* [1986] 1 LNS 80 dimana ia mengikat mahkamah ini, dimana Jemuri Serjan HB (Borneo) berkata di ms. 266:

> At an interlocutory proceeding for an injunction, the court is not called upon nor it is desirable for the court to decide finally on the rights of the parties but the court must be satisfied that there is a serious issue to be tried. The court is not justified in embarking upon anything resembling the trial of the action upon conflicting affidavits nor to evaluate the strength of either party's case. This is settled law not hallowed by the famous word of Lord Diplock in *American Cyanamid'* case [1975] AC 396 at p 407; [1995] 1 All ER 504 at p. 510; [1975] 2 WLR 316 at p 323):
>
> > … It is no part of the court's function at this state of the litigation *to try to resolve conflicts of evidence on affidavits as to facts on which the claims of either party may ultimately depend nor to decide difficult questions of law which call for detailed arguments and mature considerations*. (Penekanan oleh Mahkamah ini). (Rujuk juga kes *Keet Gerald Francis Noel John lwn. Mohd Noor bin Abdullah* [1995] 1 CLJ 293 dan *Chong Sui Jin & Ors lwn. Jeramas Sdn Bhd & Anor* [2008] 4 MLJ 701 di ms. 711)

[62] Walau bagaimanapun mahkamah ini berpendapat bahawa dalam kes-kes dimana kausa tindakan dan tuntutan plaintif adalah fitnah dan sekiranya pembelaan defendan adalah justifikasi atau ulasan saksama (fair comment) seperti dalam kes di hadapan mahkamah ini yang dibangkitkan oleh defendan-defendan tersebut dan mahkamah ini mendapati bahawa pembelaan tersebut tidak boleh dikatakan remeh, menyusahkan atau salah guna kuasa mahkamah dan terdapat kemungkinan pembelaan defendan-defendan akan berjaya dalam perbicaraan penuh, mahkamah ini tidak sepatutnya memberi satu injuksi interim terhadap defendan-defendan seperti dipohon dalam saman dalam kamar (lampiran 47). Lebih-lebih lagi, mahkamah ini juga berpendapat mahkamah ini tidak patut memberikan injuksi terhadap defendan-defendan tersebut khususnya di atas fakta-fakta, keadaan kes ini dan pembelaan defendan-defendan tersebut kerana aduan-aduan yang ditujukan kepada pihak-pihak yang tertentu dan pihak berkuasa melalui surat-surat, lawatan ke pejabat-pejabat berkenaan dan satu demonstrasi dalam kawasan projek tesebut adalah terhadap dan berasaskan rasa tidak puas hati diatas caj penyelenggaraan dan perkhidmatan dan hak kutipan untuk 'sinking fund' yang dibuat oleh plaintif-plaintif mengenai Permai Lake View Apartment dan bukan terhadap atau ada berkaitan dengan bangunan-bangunan atau scheme lain seperti dikatakan oleh plaintif-plaintif. Di sini juga adalah penting untuk mengambil perhatian bahawa bukan pembeli-pembeli atau ahli keluarga tidak mahu membayar tetapi mereka

berpendapat caj-caj yang dikenakan adalah tidak adil dan saksama dan bertentangan dengan apa yang dijanjikan oleh plaintif-plaintif. Seterusnya, aduan-aduan defendan-defendan tersebut bukanlah satu aduan yang tidak berasas atau yang bukan-bukan atau tidak ada kaitan dengan apartment yang ada kaitan dengan mereka atau ahli keluarga dan ini telah dinyatakan dalam pembelaan defendan-defendan tersebut.

[63] Oleh yang demikian, prinsip-prinsip yang dinyatakan dalam kes *American Cyanamide Co. lwn. Ethicon Ltd* [1975] AC 396 di ms. 407, *Alor Janggus Soon Seng Trading Sdn Bhd lwn. Sey Hoe Sdn Bhd* [1995] 1 CLJ 461 dan *Keet Gerald Francis Noel John lwn. Mohd Noor bin Abdullah & Ors* [1995] 1 CLJ 293 boleh dibezakan apabila berbanding dengan kausa tindakan plaintif-plaintif, fakta-fakta, keadaan dan latar belakang kes dan pembelaan defendan-defendan tersebut di hadapan mahkamah ini dan prinsip yang ditetapkan dalam kes *The New Straits Times Press (M) Bhd v. Airasia Bhd* [1986] 1 LNS 80.

[64] Mahkamah ini juga ingin menyatakan bahawa sama ada perkataan-perkataan yang digunakan menentukan sebarang pertuduhan tipu atau tidak jujur atau dipakai atau disalahgunakan adalah berdasarkan kepada bagaimana dan dalam keadaan atau konteks apa ia dinyatakan dan bukan semata-mata atau semestinya boleh dikatakan ia beri makna seperti perkataan yang digunapakai. Dalam kes *C. Sivanathan v. Dato' Hj. Abdul Rahman* [1984] 1 MLJ 63, perkataan "dishonest, cheat, liar" dikatakan kepada plaintif oleh defendan. Seterusnya plaintif memfailkan tindakan di Mahkamah Sesyen untuk gantirugi terhadap slander. Yang Dipertua Mahkamah Sesyen menyebelahi plaintif dan mengawadkan gantirugi. Defendan kemudiannya merayu kepada Mahkamah Tinggi terhadap keputusan Mahkamah Sesyen. Mahkamah Tinggi kemudiannya membenarkan rayuan defendan dimana diantara alasan-alasan lain, N.H Chan H. (pada masa itu) berkata di ms. 65:

> In my judgment, the word 'dishonest, cheat, liar' cannot, when fairly construed in the context in which they were used, be said to amount to a charge of cheating within s. 415 and punishable under s. 417 of the Penal Code. As what was said by Selesser LJ at p. 453. In *English Scottish Corp v. Hodhams* [1940] 1 KB 440:
>
> > One is entitled, to have regard to the mode and occasion of the publication.

> To those who understand them, they do not convey any defamatory imputation". Getly on Libel and Slander; 8th edn, para 109. They were spoken as words of general abuse. (at p. 67)
>
> The Court below was satisfied that the defendant used the words "dishonest", "cheat" and "liar". The plaintiff felt very hurt. This is what he said: "I was upset and shocked when I heard the word `dishonest' - I have never been called dishonest in my life". The imputation is a most insulting one but the question is would those words impute a criminal offence punishable by imprisonment. I do not think so. The words have to be considered in the context in which they were spoken: "people not unfrequently use words, and are understood to use words, not in their natural sense, or as conveying the imputation which, in ordinary circumstances, and apart from their surroundings, they would convey, but extravagantly, and in a manner which would be understood by those who hear or read them as not conveying the grave imputation suggested by a mere consideration of the words themselves" - said Lord Herschell LC in *Australian Newspaper v. Bennett* [1894] AC at pp. 287 - 288 - "In [this] case" added the Judge "It is impossible to consider the use of the word [Ananias] detached from all that accompanied it in the newspaper issued by the defendants. The language used must be looked at as a whole in considering whether the jury could reasonably come to the conclusion that the use of the word was not intended to convey, and that those reading the newspaper would not understand it as conveying, the serious imputation suggested"; or to use the language of Lord Halsbury LC in *Nevill v. Fine Art Co.* [1897] AC at p. 72 "it is necessary to take into consideration, not only the actual words used, but the context of the words, and the persons to whom the communications were made.

[65] Keputusan Mahkamah Tinggi dalam kes *C. Sivanathan v. Dato' Hj. Abdul Rahman* telah di sahkan oleh Mahkamah Persekutuan (Lee Han Hoe CJ (Borneo), Hashim Yeop A. Sani dan Syed Agil Barakbah HHMP dimana rayuan oleh plaintif telah ditolak dengan kos). Untuk berjaya dalam pembelaan justifikasi, tidak perlu bahawa setiap 't' harus dipalang dan setiap 'i' harus dititik, ia mencukupi sekiranya isihal (substance) bagi kenyataan mengandungi fitnah adalah justifikasi. (Rujuk kes *Beet v. Lawes* [1882] LJ QB 359: "The plea of justification must be considered in a meticulous sense. It is that the words employed were true in substance and in fact. (See *Sutherland v. Stopes* [1925] AC 47 di m.s 48-49). Komen, soalan itu harus diputuskan oleh mahkamah dalam perbicaraan (Rujuk kes *Aga Khan v. Times Publishing Co* [1924] 1 KB 695; *Telnikoff v. Matusevitah* [1992] 2 AC 343 dan

Akta Fitnah 1957; *Broadway Approvals Ltd v. Odham Press Ltd* [1964] 2 All ER 904, [1964] 2 QB 683 dan keputusan Mahkamah Rayuan ... (Rujuk kes *Ratcliffe v. Evans* [1892] 2 Q.B 524; *Proctor v. Bayley* [1889] 42 Ch.D 390). Prinsip dalam kes *American Cyanamide* adalah secara am dan tidak terpakai dalam kes kausa tindakan fitnah atau kepalsuan niat jahat (malicious falsehood). (Rujuk kes *Khashoggi v. IPC Magazines Ltd* [1986] 3 All ER 577). Walau bagaimanapun, seorang plaintif yang memfailkan tuntutan adalah bukan untuk fitnah tetapi untuk konspirasi untuk mencederakan melalui penerbitan dengan perkataan yang merosakkan mungkin merugikan boleh dihalang sehingga menunggu perbicaraan walaupun perkataan yang digunakan boleh dijustifikasi dan sekiranya dan tertakluk plaintif boleh menunjukkan terdapat soalan-soalan yang serius untuk dibicarakan dan sekiranya defendan-defendan dengan orang-orang lain menerbitkan dengan tujuan utama (dominant) mencederakan plaintif, dalam keadaan itu mungkin prinsip secara am yang digunakan dalam *American Cyanamide v. Ethicon* [1975] AC 396 dipakai (Rujuk kes *Gulf Oil (GB) Ltd v. Page* [1989] Ch.D 329; [1989] 3 All ER 14 di ms. 17).

> The defence of fair comment is now recognized to be one of the most valuable parts of the law of libel and slander. It is an essential part of the greater right of free speech. It is the right of every man to comment freely, fairly and honestly on any matter of public interest and this is not a privilege which belongs to particular person in particular circumstances. It matters not whether the comments are made to the few or to the many, whether they are made by powerful newspaper or by an individual, whether they are written or spoken; the defence that the words are fair comment on a matter of public interest is open to all.' (per Birkett LJ dalam kes *Kemsley v. Foo* [1951] 2 KB 34 di m.s 46-47). (Rujuk juga kes *Merivale v. Carson* [1888] 20 Q.B.D 275; *Macleody v. Wakly* [1828] 3 C&P 311; *Horrocks v. Lowe* [1975] AC 135; *Osborne v. Butler* [1930] 2 K.B 226).

[66] Oleh itu, mahkamah ini ingin menyatakan bahawa perkataan yang digunakan dalam mesyuarat pada 7 Januari 2007 dan dihadiri oleh defendan-defendan dan dikatakan telah diucap oleh defendan pertama iaitu:

> (a) "we are victims. They robbed our money in daylight. You know what is daylight dengan terang-terang dia rompak kita punya wang tau".

(b) I know kebanyakan sini termasuk saya memang tak layak, not qualified to buy that unit, because of what, because of bad management

adalah soalan fakta yang hanya boleh diputuskan oleh mahkamah dalam perbicaraan penuh dengan bukan sahaja mengambilkira perkataan yang digunakan tetapi juga keadaan atau konteks perkataan-perkataan yang digunapakai oleh defendan pertama dan keadaan atau konteks dimana perkataan-perkataan digunakan dan bukan semestinya boleh difahami dan memberi makna bahawa plaintif-plaintif adalah "dishonest and were corrupted and were swindling the purchasers" seperti yang diandaikan oleh plaintif-plaintif. Seterusnya surat aduan yang dihantar kepada pihak berkuasa juga adalah soalan fakta yang hanya boleh diputuskan oleh mahkamah ini dalam perbicaran penuh dengan bukan sahaja mengambilkira perkataan-perkataan yang digunakan tetapi keadaan atau konteks perkataan-perkataan yang digunapakai dimana surat tersebut telah dialamatkan dan tujuannya dan keadaan atau konteks dimana perkataan-perkataan digunakan. Perkara ini harus dibaca dengan pembelaan defendan-defendan tersebut dimana sebarang tindakan atau ucapan oleh defendan-defendan atau defendan yang berkenaan adalah justifikasi dan sebahagian adalah ulasan saksama (fair comment). (Rujuk kepada pembelaan statutori seperti yang diperuntukkan dibawah s. 8 dan s. 9 Akta Fitnah 1957). (Rujuk kes *Broadway Approvals Ltd And Another v. Odhams Press Ltd* [1964] 2 Q.B 683; *South Hetton Coal Company Limited v. North Eastern News Association, Limited* [1894] 1 Q.B 133; *Campbell v. Spottis Woode* [1863] B & S 769).

[67] Dalam kes *Liberace v. Daily Mirror Newspapers Ltd.* (The Times, June 18th), Salmon H (pada masa itu) berkata:

> It concerns what is somewhat misleadingly described as defence of fair comment. It is very important that you should understand and that I should clearly explain to you the law on this topic. The law is the very foundation of the freedom of speech in this country. This is a vital freedom for, without it, all freedom withers and dies. Freedom of speech is the freedom of everyone to state his honest opinion about any matter of general importance. This is not a right that is peculiar to newspapers and journalists-it is a right which is common to us all. We are free to state fearlessly to anyone our real opnion, honestly held, upon any matter of public interest. We are free to state such opnions in any way we like-diffidently, decorously, politely and discreetly, or pungently, provocatively, rudely and even brutally. We may not tell a defamatory lie about anyone. We must not make any untrue

A statement of fact about anyone which tends to lower them in the mind of right-thinking people. If we state an opinion, it matters not if it is defamatory, if it is our real opnion, honestly held, and is such that any fair minded man might honestly hold." (Rujuk kepada kes-kes *Sim v. Stretch* [1936] 2 All E.R 1239; *Berkoff v. Burchill & Anor* [1996] 4 All E.R 1008; *Syed Husin Ali v. Sharikat Percetakan Utusan Malaysia Berhad & Anor* [1993] 2 MLJ 5; *Charleston v. News Group Newspapers Ltd* [1995] 2 A.C 65 di ms. 70).

[68] Dalam kes ini, diatas keseluruhan fakta dan keadaan kes yang didapati daripada kesemua afidavit-afidavit bersama dokumen-dokumen kedua-dua pihak dan setelah membaca dan meneliti kausa tindakan plaintif-plaintif dan pembelaan defendan-defendan tersebut, mahkamah ini tidak boleh menyatakan pembelaan tersebut adalah lemah atau semestinya akan gagal dalam perbicaraan penuh. Selain daripada itu juga didapati dalam kes ini terdapat tuntutan balas oleh defendan-defendan terhadap plaintif-plaintif yang ada kaitan dengan tuntutan plaintif-plaintif dimana perlu dibicarakan dan diperiksa oleh kedua-dua pihak dalam perbicaraan. Walau bagaimanapun, mahkamah ini tidak mengambil kira sama sekali isu tuntutan balas dalam membuat keputusan di permohonan injuksi oleh plaintif-plaintif dalam saman dalam kamar (lampiran 47) kerana seperti dinyatakan oleh mahkamah, keadaan dan latar belakang kes memerlukan prinsip yang dinyatakan dalam kes *The New Straits Times Press (M) Bhd v. Airasia Bhd* [1987] [1986] 1 LNS 80 dipakai dimana adalah mencukupi untuk mahkamah ini membuat keputusan. Oleh itu, dan mengikut prinsip yang didapati dalam kes *The New Straits Times Press (M) Bhd v. Airasia Bhd* [1986] 1 LNS 80 mahkamah ini berpendapat bahawa adalah wajar dan adil perkara itu ditangguh untuk diputuskan dalam perbicaraan penuh di atas sebab-sebab yang dinyatakan terlebih dahulu dalam alasan-alasan penghakiman mahkamah ini.

[69] Bagi prayer 1 lampiran 47, mahkamah ini berpendapat tidak ada keterangan yang menunjukkan bahawa defendan-defendan telah berulangkali mendorong atau menggalakkan pembeli tertentu untuk tidak membayar caj penyelenggaraan sebanyak RM50 setiap bulan kepada plaintif-plaintif. Walau bagaimanapun dan seperti yang dikatakan terlebih awal, mahkamah ini tidak dapat menghalang defendan-defendan tersebut untuk membuat aduan terhadap plaintif-plaintif kepada pihak berkuasa atau pihak tertentu terhadap penyelenggaraan dan kutipan caj-caj yang lain. Juga, didapati prayer 1 tidak mengandungi butir-butir yang lengkap mengenai mana satu projek atau pemaju-pemaju dan tidak ada

keterangan bahawa defendan-defendan telah melakukan sebarang tindakan terhadap mana-mana kemajuan lain yang tertentu yang diusahakan atau dimiliki oleh plaintif-plaintif.

[70] Bagi prayer 2 lampiran 47, mahkamah ini mendapati tidak ada keterangan bahawa defendan-defendan masih mendorong atau menggalakkan pembeli-pembeli tertentu dari tidak membayar RM400 bagi (sinking fund) dan RM180 bagi "rolling fund" kepada plaintif-plaintif. Walau bagaimanapun plaintif-plaintif berhak dan bebas untuk memfailkan saman untuk tuntut sebarang pembayaran atau tunggakan dimana plaintif-plaintif telahpun berbuat sedemikian.

[71] Mahkamah ini mendapati bahawa prayer 2(c), (d), (e), (f), (g) dan (h) harus dibaca seperti berikut:

Prayer 2(c) menjadi (a)

(d) menjadi (b)

(e) menjadi (c)

(f) menjadi (d)

(g) menjadi (e)

(h) menjadi (f)

[72] Bagi prayer 2(a) lampiran 47, plaintif-plaintif tidak boleh menghalang defendan-defendan dari menulis atau mengadu kepada pihak berkuasa atau agensi kerajaan kerana sekiranya plaintif-plaintif mengandaikan ia adalah satu kenyataan fitnah, dan jawapan defendan-defendan tersebut melalui pembelaan adalah justifikasi dan ulasan saksama (fair comment), ia adalah pembelaan statutori dan ia hanya boleh ditentukan dalam perbicaraan penuh kerana pembelaan defendan-defendan tersebut adalah justifikasi dan ulasan saksama (fair comment) dimana Akta Fitnah 1957 membenarkan untuk memplidkan pembelaan tersebut dimana tidak boleh dikatakan adalah remeh atau menyusahkan atau salah guna proses mahkamah.

[73] Bagi prayer (c), tidak ada sebarang keterangan bahawa defendan-defendan tersebut telah melakukan sebarang tindakan mengenai fasa-fasa atau pemajuan lain milik plaintif-plaintif. Bagi prayer (d), terdapat laporan polis yang dibuat pada 25 Julai 2007 dimana mahkamah ini berpendapat bahawa mana-mana pihak tidak boleh bertindak ganas atau mengancam (intimidasi) atau menyerang

A mana-mana pihak yang lain. Dalam keadaan tersebut dan dalam kes ini, keterangan yang dikemukakan oleh plaintif-plaintif adalah bahawa defendan kesembilan dikatakan telah melakukan keganasan, mengancam dan menyerang Pengurus Lew Kah Siang pada 25 Julai 2007 dan bukan dilakukan oleh defendan-defendan B tersebut seperti di prayer (d). Oleh itu, adalah adil bahawa satu injuksi diberi terhadap defendan kesembilan dibawah prayer (d) bagi kepentingan keadilan dan untuk keselamatan dan keamanan supaya tidak terdapat sebarang rasa tidak senang atau kebimbangan terhadap kejadian yang tidak dingini akan berlaku C kepada penghuni lain di Apartment tersebut.

[74] Mahkamah ini ingin menyatakan di sini bahawa sama ada plaintif-plaintif diterima sebagai pemaju-pemaju yang sah atau mempunyai kuasa yang sah untuk mengurus dan mengutip wang D bagi projek penyelenggaraan atau patut dikutip oleh Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah Malaysia tidak akan disentuh atau diputuskan dalam permohonan ini (lampiran 47) kerana itu adalah satu perkara yang melibatkan pihak yang berlainan dimana plaintif-plaintif telahpun memulakan satu tindakan E lain terhadap Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah Malaysia dan itu adalah satu tindakan atau kausa tindakan yang berlainan dan tidak boleh dicampur adukkan dalam jenis permohonan seperti lampiran 47. Rujuk kepada afidavit plaintif-plaintif dan eks. 'A' di lampiran 98 dimana plaintif-plaintif ada F melampirkan sesalinan writ saman dan pernyataan tuntutan tersebut dan surat bertarikh 13 Disember 2007 daripada Pendaftar Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah Malaysia yang dialamatkan kepada defendan ke-9 dimana salinan surat tersebut dieksibitkan sebagai eks. CCF-4 di affidavit defendan ke-9 dan bagi G defendan-defendan tersebut (lampiran 13).

[75] Dalam kes ini dan pada peringkat ini mahkamah ini ingin menegaskan bahawa pembelaan statutori seperti 'justifikasi' dan ulasan saksama (fair comment) yang dibangkitkan oleh defendan-H defendan tidak boleh dikatakan sebagai kepura-puraan (sham), tidak mempunyai harapan (hopeless) atau remeh (frivolous) atau menyusahkan (vexatious) dan satu salah guna proses mahkamah atau ditakdirkan untuk gagal (doomed to fail) seperti yang dihujahkan oleh peguam bagi plaintif-plaintif. Mahkamah ini juga I ingin menegaskan bahawa undang-undang sepatutnya diseragamkan dan tidak berat sebelah. Dalam penghakiman ini mahkamah ini telah memastikan bahawa tidak ada sebarang prejudis atau pilih kasih (favour) atau sebarangan (whim) atau sekejap-kejap

(fitfulness) diberi pertimbangan melainkan mengikut precedent, fakta dan keadaan kes ini dan prinsip undang-undang. Walau bagaimanapun, budi bicara yang dipakai secara adil adalah berdasarkan dan akan berubah (vary) dari fakta dan keadaan satu kes ke satu kes yang lain dan mengikut preseden. Pada masa yang sama, adalah penting untuk mengingatkan dan mahkamah ini memang sedar, bahawa kuasa keadilan tidak diguna pakai mengikut atau kehendak perasaan dan sesuka hati seorang hakim dan ianya harus digunapakai bagi tujuan untuk memberi makna dan kehendak undang-undang. Mahkamah ini berpuashati bahawa defendan-defendan tersebut telah menunjukkan bahawa mereka mempunyai pembelaan justifikasi yang suci bersih (*bone fide*) dan ulasan saksama (fair comment) yang suci bersih (*bona fide*) terhadap tuntutan plaintif-plaintif dan bukan boleh dikatakan tanpa sebarang asas atau kemungkinan tidak dapat berjaya dalam perbicaraan (with no real prospect of success).

[76] Walau bagaimanapun, setelah membaca dan meneliti saman dalam kamar (lampiran 47), afidavit-afidavit (seperti dinyatakan dalam kronologi pemfailan), dan otoriti-otoriti yang dikemukakan bersama hujah-hujah dan hujah-hujah lanjutan oleh kedua-dua pihak bersama otoriti-otoriti yang diselidik oleh mahkamah ini dan kronologi seperti yang disenaraikan dan dikemukakan oleh kedua-dua pihak, mahkamah ini mendapati bahawa mahkamah ini tidak ingin menggunakan budi bicara mahkamah ini untuk membenarkan injuksi seperti yang dipohon di saman dalam kamar (lampiran 47) diatas sebab-sebab yang dinyatakan dalam penghakiman ini melainkan membenarkan prayer (d) terhadap defendan ke sembilan sahaja. Dengan itu, prayer-prayer lain dalam saman dalam kamar (lampiran 47) ditolak dengan kos melainkan prayer (d) dibenarkan. Kos dalam kausa.